فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"RAKYAT jelata yang sensitif lagi patriotik sangatlah diperlukan oleh negara terutama mereka yang dari kalangan generasi muda serta para belia kerana mereka itu adalah pewaris masa depan kita." - Titah Sempena Menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-29 pada 12 Rabiulakhir 1434 Hijriah/ 23 Februari 2013 Masihi.

Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسڽ ايمان

MANISNYA IMAN

"SESIAPA mati, sedangkan dia masih menanggung hutang satu dinar atau satu dirham, maka akan diambil ganti daripada kebaikannya, kerana di sana tidak ada dinar dan tidak ada pula dirham." - (Sabda Ibnu Umar Radiallahuanhuma yang diriwayatkan oleh Al-Imam Ibnu Majah).

TAHUN 58 / BILANGAN 81 | 8 JULAI 2013 / 1434 شعبان 29 | EDISI ISNIN / PERCUMA

# Penggunaan tulisan Jawi perlu ditingkatkan

Oleh : Aimi Sani
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**JERUDONG**, Sabtu, 6 Julai. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan terus menggandakan usaha dan komitmen yang tinggi dalam membudayakan penggunaan Tulisan Jawi di negara ini.

Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail berkata dalam usaha memartabatkan tulisan Jawi, Jabatan Perdana Menteri telah mengedarkan Surat Keliling bagi memastikan semua pihak menggunakan dan mempraktikkan tulisan Jawi pada papan tanda di bangunan-bangunan kerajaan dan perniagaan termasuklah papan nama, papan kenyataan, kepala surat, poster, iklan, kain rentang dan sebagainya.

Semasa berucap pada Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Menulis Kaligrafi Jawi Sekolah-Sekolah Rendah/Menengah dan Maktab-Maktab/Pra-Universiti, Maktab Teknik dan Vokasional Tahun 2013, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff menambah, ianya menunjukkan keunikan dan keunggulan negara yang amat membanggakan kerana sentiasa menjadi ristaan yang baik para pelancong dari luar negara yang melihatnya sebagai suatu yang berbeza dan signifikan bagi Negara Brunei Darussalam sebagai negara Melayu Islam Beraja (MIB) dan Negara Zikir menuju ke arah kecemerlangan Wawasan 2035.

Seni kaligrafi Islam, terangnya, bukanlah satu perkara baru di dalam dunia Melayu di mana kaligrafi Islam atau tulisan khat Jawi merupakan kesenian unggul jelas terpancar dalam kitab suci Al-Qur'an yang menggunakan tulisan Jawi Arab dan bahasa Arab.

Dato Seri Setia turut menyentuh mengenai penubuhan Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang antara lain bertujuan untuk melahirkan tenaga pakar daripada kalangan belia Islam tempatan dalam bidang seni Islam, khususnya seni mushaf, kaligrafi dan seni hiasan Islam.

Ke muka 24

## Majlis Istiadat Bersanding penuh adat istiadat



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan berkenan berbual mesra bersama Yang Amat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Qawi ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah pada Majlis Santap sempena Majlis Istiadat Bersanding Yang Amat Mulia Tengku Amalin A'ishah Putri binti Sultan Ismail Petra dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Qawi. Majlis berlangsung di Balai Penghadapan Bukit Kayangan. *( Lagi berita dan gambar-gambar dimuatkan ke muka 12 & 13).***

# Wanita perlu diberikan sokongan, pemahaman pengurusan bencana

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 6 Julai. - Dalam menghadapi apa jua bencana yang datang tanpa diduga, wanita perlu diberikan sokongan dan persediaan awal termasuk pemahaman asas mengenai kejadian bencana alam, persediaan menghadapi bencana alam termasuk bagaimana memberikan bantuan serta merta kepada anak-anak dan ahli keluarga jika terlibat dalam bencana dan sebagainya.

Dengan adanya latihan dan pemahaman yang diberikan kepada golongan ini, wanita akan merasa lebih percaya diri, berani dan bersedia dalam menghadapi apa jua musibah dan bencana.

Selain itu, korban dan kecederaan juga akan berkurangan kerana mereka lebih bersedia dan lebih cepat bertindak.

Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman menekankan perkara tersebut pada Majlis Forum Peranan Wanita Dalam Pengurusan Risiko Bencana anjuran Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) dan Majlis Belia Brunei, bertempat di Dewan Bahtera, Hotel Badi'ah, Jalan Tutong, di sini.

"Kesedaran pengurusan bencana mesti bermula dari rumah biskita. Oleh itu, kaum wanita mempunyai peranan yang signifikan di semua fasa pengurusan bencana seperti usaha-usaha kesiapsiagaan, tindakan respons dan pemulihan," ujar Yang Mulia Datin Paduka.

Menurutnya, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa menghulurkan bantuan kepada mangsa-mangsa yang terlibat dalam kejadian bencana di negara ini, sama ada dari segi tempat tinggal sementara, keperluan harian dan kewangan serta sokongan-sokongan lain demi menjaga kebajikan dan kesejahteraan mereka yang terjejas.

Namun demikian, jelasnya, tahap kesiap-siagaan orang ramai dalam menghadapi bencana haruslah berterusan dan tidak boleh leka dengan keadaan aman yang dinikmati sekarang yang mana peranan penting dalam menghadapi bencana adalah tanggungjawab bersama semua masyarakat.

"Peranan ini bukan sahaja dimainkan oleh pihak lelaki lebih-lebih lagi kepada kaum wanita yang dikatakan sebagai jumlah terbanyak menjadi mangsa bencana selain warga tua, orang kurang upaya dan kanak-kanak," katanya.

Dalam konteks forum ini, jelasnya, penglibatan wanita dalam bencana adalah daripada dua aspek iaitu wanita sebagai mangsa dan wanita sebagai penyelamat.

Ke muka 24

DI DALAM



Muka 7

**RUMAH panjang 16 pintu musnah dalam kebakaran**

# KKC mendukung kecemerlangan kualiti perkhidmatan

**Bismillahir Rahmanir Rahim**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

A**LHAMDULILLAH**, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya jua kita dapat bersama-sama berkumpul pada pagi ini bagi menyempurnakan Majlis Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun 2013.

Terlebih dahulu, saya ucapkan terima kasih kepada pihak penganjur majlis yang telah menjemput saya hadir selaku Tetamu Kehormat di majlis ini dan seterusnya merasmikan Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya pada tahun ini.

Apa yang kita ungkayahkan melalui KKC ini adalah bagi mendukung ke arah kecemerlangan dan penambahbaikan kualiti perkhidmatan. Kementerian Pembangunan adalah salah sebuah Kementerian yang banyak memberikan perkhidmatan kepada orang ramai.

Kepentingan KKC ini adalah bertindak sebagai penjana pembaharuan, memperbaiki kelemahan-kelemahan, kekurangan dan berupaya memberikan nilai-tambah terhadap usaha-usaha penyelesaian masalah menurut perubahan dan kehendak semasa.

Kaedah penyelesaian secara KKC ini diharap akan dapat membantu dalam memperbaiki kelemahan-kelemahan dan kekurangan dalam Kementerian dan Jabatan melalui kaedah yang logik dan praktikal serta meningkatkan usaha dan sikap tidak berpeluk tubuh, bertindak lebih inovatif kreatif dan menuju kepada perkhidmatan yang lebih *efficient.*

Faedah-faedah KKC ini banyak memberikan impak kepada individu dan organisasi. Antaranya, kepada individu yang ketara ialah dapat memberikan kepuasan bekerja, mendorong untuk berusaha lebih gigih, meningkatkan keyakinan diri dan menggalakkan daya kreativiti dan inovatif atau 'Thinking outside of the box' dalam kalangan pegawai dan kakitangan bagi mencapai kecemerlangan.

Manakala faedah-faedah kepada organisasi pula ialah mengeratkan hubungan silaturahim, memupuk kerjasama berpasukan, persefahaman antara pekerja dengan pihak pengurusan, mewujudkan suasana bekerja yang kondusif, menggalakkan percambahan fikiran bagi pembaikan, memupuk sikap pemedulian dan sentiasa pro-aktif di dalam mengenal pasti perubahan-perubahan semasa dan cara atau kehendak bekerja.

Saya difahamkan bahawa penyertaan Kumpulan Kerja Cemerlang di Konvensyen Peringkat Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya pada tahun ini adalah sebanyak empat (4) pasukan KKC sahaja. Tahniah dan syabas saya ucapkan khusus kepada Jabatan Ukur yang setiap tahun tidak kendur-kendur memberikan sokongan padu di dalam menjayakan hasrat murni Konvensyen KKC ini. Semoga semangat dan kegigihan yang ditonjolkan ini akan dapat menjadi inspirasi kepada jabatan-jabatan lain, di samping sebagai cabaran kepada jabatan-jabatan yang tidak menyertai Konvensyen KKC hingga ke akhirnya. Bagi menyertai KKC ini, ia memerlukan komitmen dan kepimpinan serta imaginasi dari jabatan berkenaan bukan *half herated effort* yang tidak sampai ke penghujung.

Saya dimaklumkan bahawa sebanyak lebih kurang 28 pasukan KKC telah ditubuhkan bagi Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya. Adalah diharapkan lebih banyak lagi pasukan-pasukan yang akan dapat menampilkan projek-projek yang inovatif dalam Konvensyen KKC yang akan datang. Ketua-ketua jabatan berkenaan hendaklah memberi perhatian yang wajar kepada penyertaan mereka dalam KKC ini sebagai usul mereka ke arah pembaikan jabatan yang dipimpin.

Saya juga ingin melihat projek-projek yang dilaksanakan dalam KKC pada masa akan datang adalah lebih banyak menjurus kepada penggunaan teknologi maklumat (ICT); *'Technology-Based Project*, misalnya projek-projek seperti permohonan perumahan, pembayaran-pembayaran bil perkhidmatan seperti cukai tanah, pembelian peta atau lain-lain perkhidmatan secara *online* yang memudahkan orang ramai dan yang mampu memberi perkhidmatan yang lebih efisien. Apabila kehendak seperti ini dapat diterjemahkan kepada semua *stakeftoklers*, insya-Allah, sudah tentu ianya akan memberikan *extra-mile* kepada pencapaian keseluruhan organisasi di bawah Kementerian Pembangunan.



**MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa berucap sempena Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang Peringkat Kementerian Kali Ke-16 Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya bertempat di Dewan Indera Pahlawan, Bangunan Pusat Latihan dan Ujian Kemahiran, Kementerian Pembangunan pada hari Selasa, 16 Syaaban 1434 Hijriah bersamaan 25 Jun 2013 Masihi.**

Saya berharap ketua-ketua jabatan serta Divisyen akan memberi sokongan bagi sama-sama menjayakan KKC ini demi meningkatkan lagi mutu perkhidmatan kita semua kepada orang ramai, *stakeholders* dan negara khususnya.

Bagi mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur kerana menjemput saya hadir selaku Tetamu Kehormat pada pagi ini. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan, syabas dan tahniah kepada pihak penganjur dan semua yang terlibat dalam sama-sama menjayakan majlis kita pada pagi ini.

Dengan mendahulukan kalimah *Bismillahir Rahmannir Rahim* serta bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala, maka saya rasmikan Majlis Konvensyen KKC Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi tahun 2013 ini. Semoga usaha kita ini akan mendapat rahmat dan keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'ala jua.

***"KAEDAH penyelesaian secara KKC ini diharap akan dapat membantu dalam memperbaiki kelemahan-kelemahan dan kekurangan dalam Kementerian dan Jabatan melalui kaedah yang logik dan praktikal serta meningkatkan usaha dan sikap tidak berpeluk tubuh, bertindak lebih inovatif kreatif dan menuju kepada perkhidmatan yang lebih efficient."***

## Dari Sidang Pengarang

**8 JULAI 2013 BERSAMAAN 29 شعبان 1434**

### ELAKKAN PEMBAZIRAN DI BULAN RAMADAN

S**YUKUR** Alhamdulillah, esok atau lusa kita dipertemukan lagi dengan Ramadan yang mulia dan seperti biasa umat Islam di negara kita akan menunaikan ibadat puasa serta menghidupkan malam harinya dengan melakukan ibadat terawih dan bertedarus di masjid-masjid dan surau-surau seluruh negara. Pada hakikatnya, kita perlu bersedia untuk menyambut kedatangan bulan ini dengan harapan agar ia akan menjadikan kita sebagai manusia yang lebih baik di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Bulan Ramadan tidak sama dengan lain-lain bulan. Ianya merupakan bulan rahmat, bulan penuh keampunan dan bulan pembebasan dari api Neraka.

Ramadan juga mempunyai banyak rahsia tersirat yang perlu dicungkil oleh umat Islam. Di mana melalui bulan penuh keberkatan dan kerahmatan ini, kita perlu insaf bahawa pelbagai tujuan telah Allah syariatkan puasa kepada umat Islam dan banyak pengajaran dan iktibar terkandung di dalamnya yang boleh kita gunakan sebagai pedoman melalui cabaran kehidupan kita seharian dengan lebih sempurna.

Antara pengajaran yang tersirat dalam bulan yang mulia itu ialah ingatan supaya kita tidak melakukan pembaziran dan boros dalam kehidupan. Terutamanya waktu berbuka puasa yang memang ditunggu-tunggu bagi umat Islam yang mengerjakan ibadat puasa iaitu setelah hampir sentuk menahan diri dari makan dan minum dan daripada melakukan perkara-perkara yang membatalkan ibadat puasa.

Biasanya apabila bersungkai di rumah, juadah yang dihidang dimasak sendiri atau dibeli dari kedai. Namun terdapat trend orang-orang kita ketika ini gemar bersungkai di luar umpamanya restoran di kedai-kedai makan atau restoran-restoran mewah. Trend ini dilihat semakin meluas apalagi dengan adanya promosi-promosi sungkai (berbuka puasa) dengan harga yang dikatakan berpatutan diiklankan dan diuar-uarkan oleh para peniaga restoran dan hotel-hotel. Berbuka puasa ala bufet yang kini popular dalam kalangan umat Islam di negara ini, telah menunjukkan kehidupan umat Islam di negara ini kini semakin dilimpahi dengan kemewahan.

Dengan adanya promosi-promosi bufet di bulan Ramadan membuka peluang kepada para peniaga restoran untuk meraih keuntungan. Ini juga memberi ruang waktu bagi umat Islam untuk beribadat di siang dan malam hari tanpa perlu bersusah payah menyediakan persungkaian atau menu berbuka puasa.

Walau bagaimanapun kita amat dilarang dari amalan membazir, kerana orang yang membazir itu disamakan dengan saudara syaitan. Firman Allah Subhanahu Wata'ala yang bermaksud: "Sesungguhnya orang yang membazir itu adalah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat ingkar kepada Tuhannya." (Surah Al Israa', ayat 27).

Gambaran yang diberikan Allah terhadap orang yang melakukan pembaziran dalam ayat berkenaan amat keras kerana syaitan itu adalah makhluk yang paling ingkar terhadap perintah Allah. Ayat Al-Qur'an di atas juga menyatakan bahawa pemborosan dan pembaziran adalah perbuatan keji dan patut ditinggalkan oleh orang yang mengaku diri mereka benar-benar beriman dengan Islam.

Dari itu, umat Islam di negara kita, wajar mengelakkan pembaziran dan kegelojohan di bulan Ramadan atau bulan-bulan yang lain serta turut menginsafi akan nasib umat Islam di negara lain yang tidak bernasib baik dalam memenuhi keperluan harian mereka. "SELAMAT MENGERJAKAN IBADAH PUASA DI BULAN RAMADAN." - **Ketua Penyuntingan**.


SIDANG PENGARANG

**Pemberitaan/Rencana**
Hajah Zabaidah Haji Salat,
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abd. Karim,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraihah Haji Sulaiman,
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim,
Haniza Abdul Latif,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Aryentty Haji Ariffin

**Ketua Penyuntingan**
Hajah Zabaidah Haji Salat,
Pg.Arsul bin Pg.Haji Momin

**Penyemakan**
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Siti Noorzaimah Haji Nooralli

**Penterjemahan**
Hajah Musmariani Haji Mohammad

**Juruteknik Foto**
Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Jurainah Haji Jait,
Nornasyirah Nordin

**Penyuntingan**
Haji Sahari Akim,
Samle Haji Jait,
Pg. Haji Waliyuddin Pg. Haji Ahmad,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Zawiyatun Ni'mah Mohd. Akir

**Pereka Letak**
Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi,
Hajah Raini Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail,
Jorrani binti Haji Zainal


| AMBULANS | POLIS | BOMBA | PENYELAMAT | PUSAT PEMEDULIAN PELANGGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN | ELEKTRIK | NDMC |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 991 | 993 | 995 | 998 | 140 | 144 | 2380214 |

# Komited berikan perkhidmatan terbaik



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof semasa berucap pada Majlis Ramah Mesra dan Penyampaian Sijil Kursus Orientasi Bagi Pegawai-pegawai Tempatan yang Baru Berkhidmat di kementerian tersebut.

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Masri Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 3 Julai. - Dalam usaha bagi mencapai kecemerlangan sistem penjagaan kesihatan di negara ini adalah sangat penting bagi setiap bidang profesional kesihatan untuk bersama-sama berazam dengan penuh komited untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik serta memperkukuhkan dan memantapkan *network* dan *teamwork* untuk diserapkan dan dihayati oleh setiap warga Kementerian Kesihatan.

Ini adalah kerana apa jua kelemahan dalam mana-mana ahli profesional atau kakitangan Kementerian Kesihatan, ianya akan boleh menjejaskan tahap rawatan dan penjagaan para pesakit atau pelanggan Kementerian Kesihatan.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof menyatakan demikian semasa berucap selaku tetamu kehormat dalam Majlis Ramah Mesra dan Penyampaian Sijil Kursus Orientasi Bagi Pegawai-Pegawai Tempatan yang Baru Berkhidmat di Kementerian Kesihatan bagi tahun 2013.

Dalam melindungi kesihatan awam, jelas Yang Berhormat, program-program kesihatan tidak akan mencapai kejayaan yang berkesan jika ada pihak yang tidak bekerjasama, melalaikan dan cuai menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan.

Apa yang sangat penting untuk sentiasa diambil perhatian dan dipraktikkan dalam bidang profesional kesihatan dalam menjalankan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan, tegas Yang Berhormat ialah mematuhi dan mengamal Standard Operating Procedures (SOPs) atau Manual Prosedur Kerja (MPK) yang telah ditetapkan.

"Ini adalah kerana ianya sebagai garis panduan dalam kita bersama-sama memastikan apa jua perkhidmatan atau prosedur yang dijalankan adalah secara profesional mengikut piawaian yang diiktiraf antarabangsa dan amalan-amalan terbaik yang berasaskan bukti (*evidence-based*)," ujar Yang Berhormat pada majlis yang berlangsung di Restoran Tarindak, Jerudong Polo and Riding Club, di sini.

Yang Berhormat menyatakan, tatacara ini hendaklah jangan sekali diabaikan atau diambil sambil lewa sahaja kerana jika sesuatu perkhidmatan tidak mengikut prosedur yang ditentukan, ianya bukan sahaja menjejaskan kualiti perkhidmatan tetapi juga boleh mendatangkan risiko atau kemudaratan yang tidak diingini.

Apa yang perlu, tambahnya, komitmen yang tinggi, rasa bertanggungjawab, sentiasa proaktif dan secara berterusan berusaha meningkatkan lagi kualiti dan prestasi perkhidmatan penjagaan kesihatan di negara ini.

Pegawai-pegawai dari generasi muda yang berkelulusan, yang *energetic*, jelas Yang Berhormat, bukan sahaja berupaya menyumbangkan tenaga profesional tetapi apa yang diharapkan mencadangkan buah fikiran yang bernas, membuat perubahan-perubahan yang positif dan berinovatif yang dapat membawa ke arah penambahbaikan perkhidmatan dan memantapkan sistem penjagaan kesihatan di negara ini.

Yang Berhormat menyarankan kepada semua supaya mempunyai disiplin yang tinggi, penuh bertanggungjawab, berdedikasi dan sedia berkorban masa dan tenaga untuk mencurahkan bakti kepada negara dan masyarakat, apatah lagi pesakit yang benar-benar memerlukan perkhidmatan dan rawatan segera atau semasa kecemasan.

"Ciri-ciri murni seperti ini hendaklah dipupuk dan disemai dari awal-awal lagi iaitu dari mula berkhidmat supaya akan dijadikan budaya kerja dan menjadi pekerja yang cemerlang, produktif, berinisiatif, berdisiplin, berdedikasi dan akan mempunyai masa hadapan yang lebih cerah dalam kerjaya," ujarnya.

Yang Berhormat menambah, pegawai-pegawai yang berilmu dan berkemahiran tinggi serta memiliki etika kerja yang murni lagi mulia adalah satu aset kementerian yang sangat dihargai dan bernilai di mana sudah setentunya boleh menjadi nilai tambah untuk menyerlahkan lagi imej, meningkatkan martabat dan menjana keyakinan pihak awam terutamanya pesakit akan keupayaan kementerian ini sebagai agensi yang diamanahkan memberikan perkhidmatan berkualiti terhadap penjagaan kesihatan di negara ini.

Dalam majlis itu, Yang Berhormat juga menyampaikan sijil-sijil Kursus Orientasi kepada 36 pegawai yang baru berkhidmat di pelbagai jabatan dan bahagian di bawah kementeriannya terdiri daripada doktor-doktor, Profesional Kesihatan Bersekutu yang selesai menjalani kursus selama dua minggu pada bulan Jun lalu.

Kursus Orientasi ini merupakan inisiatif tahunan Kementerian Kesihatan yang bertujuan untuk mendedahkan para pegawai kepada prinsip dan etika kerja yang baik, di samping memberi perkhidmatan dengan amalan-amalan profesionalisme yang tinggi dalam usaha untuk mencapai visi 2035 'Bersama Ke Arah Warga Sihat'.

## Giatkan pengkuatkuasaan undang-undang, peraturan

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 2 Julai. - Bilangan keseluruhan orang asing yang dihadapkan ke mahkamah dan yang setakat dikenakan kompaun serta diperintahkan keluar atau diusir dalam tiga tahun kebelakangan seramai hampir 10 ribu (9,716 orang) tidak boleh dipandang ringan.

Ini menandakan Negara Brunei Darussalam dengan penduduk lebih sedikit 400 ribu orang menghadapi cabaran untuk terus-menerus bergiat dan bersungguh-sungguh menguatkuasakan undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkenaan dengan hal ehwal imigresen dan buruh, yang mana orang-orang asing (*foreigners*) tertakluk kepadanya.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menekankan perkara itu semasa berucap pada Majlis Pembukaan Seminar Mengurus Pergerakkan Penduduk di Pusat Pemeriksaan Sempadan Sempena Penubuhan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) Ke-55 Tahun, berlangsung di sebuah hotel terkemuka, di sini.

Terdahulu Yang berhormat menjelaskan, isu pendatang haram di Negara Brunei Darussalam tidak sehebat yang dialami oleh kebanyakan negara termasuk negara-negara jiran.

Menurut Yang Berhormat, perkara itu disebabkan negara ini bersungguh-sungguh menguatkuasakan undang-undang dan peraturan imigresen ke atas orang-orang asing.

Yang Berhormat menambah, ini terbukti dengan jumlah bilangan orang yang didakwa di mahkamah atas kesalahan-kesalahan di bawah Akta dan Peraturan-Peraturan Imigresen Penggal 17, dan Akta Pasport Penggal 146 bagi tempoh tiga tahun (2010-2012) cuma seramai 21 orang yang dikategorikan sebagai pendatang haram iaitu pendatang yang telah masuk ke negara ini tanpa sebarang dokumen perjalanan atau tidak melalui pos-pos kawalan (dari sejumlah 228 orang atau 10.85 peratus daripada bilangan orang yang dihadapkan ke mahkamah).

"Jumlah itu tentu sahaja tidaklah banyak, tetapi, di samping itu ada seramai 3,367 orang asing (*foreigners*) yang dikenakan kompaun dalam tempoh yang sama," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, bilangan orang asing yang diusir atau diperintahkan keluar dari negara ini dalam tempoh tiga tahun (2010-2012) adalah seramai hampir enam ribu orang (6,121) orang.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman semasa berucap melancarkan Seminar Urusan Pergerakkan Penduduk di Pusat Pemeriksaan Sempadan sempena memperingati Penubuhan JIPK Ke-55 tahun.

Dengan itu, jelas Yang Berhormat, menjadikan bilangan kesemuanya (2010-2012) berjumlah seramai 9,716 orang.

Tambahnya, mereka diperintahkan keluar atau diusir (2010-2012) adalah kerana didapati bersalah di bawah undang-undang negara, yang di antaranya seramai 4,893 orang atau kira-kira 80 peratus diusir keluar kerana kesalahan-kesalahan di bawah Akta Imigresen, dan seramai 208 orang (2010-2012) lagi (3.4 peratus) kerana menyalahi Akta Buruh.

Sementara itu menyentuh cabaran penguatkuasaan JIPK, Yang Berhormat menyatakan, ia tertumpu di semua pos pemeriksaan imigresen tempat pergerakan orang keluar-masuk.

"Sebagaimana kemasukan orang-orang asing itu adalah secara teratur maka demikian pula kepulangan mereka hendaklah secara teratur," tegasnya.

Jika setelah mereka berada di dalam wilayah negara ini bagi maksud dan tujuan yang sah melebihi tempoh yang dibenarkan, katanya, terutama jika mereka menyelinap atau senyap-senyap berada dalam kalangan rakyat dan penduduk, maka mereka adalah dikirakan pendatang haram kerana mereka berada di negara ini secara haram iaitu menyalahi undang-undang yang berkuat kuasa.

Dalam situasi demikian, Yang Berhormat menekankan, cabaran penguatkuasaan undang-undang adalah tertumpu kepada Bahagian Penguatkuasaan JIPK yang diketahui aktif menjalankan pemerhatian, pemeriksaan dan operasinya sama ada bersendirian atau bersepadu dengan lain-lain agensi penguatkuasaan undang-undang.

Pada umumnya cabaran-cabaran yang dihadapi itu, ujarnya, adalah cabaran kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk tidak sahaja memantau keadaan dari semasa ke semasa bahkan berusaha mencari dan mendapatkan kaedah-kaedah yang dipercayai berkesan dalam menguatkuasakan undang-undang yang sedia ada.



PARA pegawai Imigresen yang mengikuti Seminar Urusan Pergerakkan Penduduk di Pusat Pemeriksaan Sempadan yang berlangsung di sebuah hotel di ibu negara.

## KHEU adakan Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja

**Oleh : Abdullah Asgar**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 2 Julai. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan jabatan-jabatan di bawahnya telah mengadakan Majlis Bertahlil dan Doa Arwah yang dikhususkan kepada Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman yang berlangsung di Kubah Makam Diraja, di sini.

Hadir pada majlis itu ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar dan Setiausaha Tetap kementerian tersebut.

Bagi mengepalai bacaan tahlil dan seterusnya bacaan doa arwah ialah Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz.



KEMENTERIAN Hal Ehwal Ugama dan jabatan-jabatan di bawah mengadakan Majlis Bertahlil dan Doa Arwah dikhususkan kepada Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman yang berlangsung di Kubah Makam Diraja.

# Ketekunan capai kecemerlangan

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman selaku Timbalan Pengerusi Pengarah I, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) semasa berucap pada Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang BC-GCE Peringkat 'O' 2011-2012.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 2 Julai. - Para pelajar diseru untuk terus berusaha, jangan berpuas hati sehingga yang baik menjadi lebih baik dan yang lebih baik menjadi paling baik kerana apa yang sudah dicapai pada setakat ini hanyalah sedikit sahaja dari potensi keseluruhan para pelajar.

Dalam masa yang sama, kecemerlangan atau sesuatu kejayaan itu bukanlah mudah untuk dicapai atau dikecapi tanpa perjuangan dan pengorbanan bukan sahaja dari pelajar sendiri tetapi juga dari orang sekeliling.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman juga selaku Timbalan Pengerusi Pengarah 1, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berucap demikian pada Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang BC-GCE Peringkat 'O' 2011-2012 dan Tahun 7 hingga 10 Normal Science 2012 Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SMYSHHB) yang diadakan di Dewan Serbaguna sekolah tersebut.

Dalam ketekunan mencapai kecemerlangan, jelas Yang Berhormat, mereka janganlah lupa dan semestinya menjunjung prinsip-prinsip diri dan bernegara serta berpegang teguh pada ajaran agama kerana tanpa pegangan hidup dan kawalan jati diri yang mantap, pastinya kita akan mudah terjerumus ke dalam perkara-perkara yang tidak diingini seperti salah laku dan penyelewengan.

"Keunikan dan keunggulan sekolah sering dilihat dari kualiti pelajar yang dilahirkan oleh sesebuah sekolah itu dan keadaan ini menuntut untuk potensi sekolah dikembangkan sepenuhnya," ujarnya.

Menurut Yang Berhormat, majlis seumpama ini akan terus diadakan sebagai suntikan inspirasi dan motivasi untuk semua pelajar sekolah bagi terus berusaha dengan lebih gigih untuk mencapai matlamat yang ditetapkan dan seterusnya visi dan misi sekolah iaitu untuk menjadi sebuah institusi pendidikan menengah yang cemerlang dan terulung di Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat menambah ia juga untuk membangunkan diri pelajar secara holistik dari aspek rohani, moral, fizikal, intelek dan sosial bagi melahirkan rakyat yang berilmu, taat setia, mahir, soleh dan amanah, bertanggungjawab dan berkeperibadian mulia berdasarkan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB).

"Penganugerahan ini juga akan dapat dijadikan sebagai pembakar semangat kepada warga sekolah agar terus bekerja keras dan berkesan bagi mencapai Wawasan 2035 yang berhasrat untuk menjadikan negara ini dikenali di seluruh dunia dengan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran dan berjaya; kehidupan rakyat yang berkualiti; dan ekonomi yang dinamik serta berdaya tahan," katanya lagi.

Yang Berhormat mengucapkan syabas dan tahniah kepada para pelajar yang telah menerima anugerah dan berharap agar mereka yang berjaya ini akan terus bersemangat meneruskan pengajian mereka sehingga mencapai kejayaan yang lebih cemerlang serta menjadi *role model* kepada yang lain untuk berusaha dengan gigih agar matlamat yang disasarkan tercapai.

Beliau penuh percaya kecemerlangan pelajar-pelajar hari ini adalah juga hasil penat lelah ibu bapa serta penjaga dan guru-guru yang tidak jemu-jemu mendidik, memberikan dorongan dan sokongan akan pembelajaran para pelajar ini.

Yang Berhormat juga percaya yang SMYSHHB akan terus menerus bekerja keras untuk bergerak lebih pantas lagi dan mengembangkan potensinya untuk mencapai aspirasi sebagai sekolah yang unik dan unggul bukan saja di negara ini tetapi sebuah sekolah yang mampu bersaing dengan sekolah-sekolah yang maju di luar negara.

Beliau turut menyeru supaya SMYSHHB akan terus membentuk dan mengasuh pelajar-pelajar dengan karakter dan sikap seperti yang dikehendaki dalam SPN 21 iaitu melahirkan rakyat yang mempunyai sikap kepimpinan yang mantap yang mendukung falsafah MIB.



MENTERI Pembangunan semasa menyampaikan hadiah kepada pelajar cemerlang keseluruhan BC-GCE 'O' 2012 iaitu Dayang Iman Amani binti Hussin.

# Anugerah Pelajar Cemerlang Sekolah Menengah YSHHB

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 2 Julai. - Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SMYSHHB) telah mengadakan Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang BC-GCE Peringkat 'O' 2011-2012 dan Tahun 7 hingga 10 Normal Science 2012 bertempat di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Suyoi bin Haji Osman juga selaku Timbalan Pengerusi Pengarah 1, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).



PENGETUA Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Cikgu Hajah Mariam binti Haji Ladi menyampaikan ucapan alu-aluannya.

Dalam ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pengetua SMYSHHB, Hajah Mariam binti Haji Ladi juga selaku Pengerusi Majlis menjelaskan bahawa beberapa program telah ditubuhkan dan dipergiatkan lagi aktivitinya yang mana antaranya adalah seperti Program Intervensi Akademik, Program Literasi dan Numerasi dan Program Pengantarabangsaan.

Dalam pencapaian lain, katanya, dari segi populasi sekolah, dalam tahun 2013, keramaian pelajar telah bertambah dari 2005 dengan hanya 28 pelajar pada mula sekolah ini dibuka kepada kira-kira 350 pelajar pada tahun ini.

Beliau yakin semua usaha itu akan sentiasa dijalankan untuk memastikan pendidikan SPN 21 berjalan dengan lancar dan berkesan.

Majlis adalah bagi meraikan pencapaian-pencapaian akademik terbaik dan cemerlang pelajar-pelajar yang mengikuti peperiksaan BC-GCE Peringkat 'O' 2011 dan 2012 dan bagi pelajar-pelajar Tahun 7, 8, 9 dan 10 Normal Science 2012.

Seramai 33 pelajar telah menerima Anugerah Kedudukan Tiga Teratas yang mana purata markah tertinggi bagi lima mata pelajaran teras dan markah minima ialah 60 peratus.

Seramai 29 pelajar menerima Anugerah Dalam Mata Pelajaran yang mana mereka ini telah mencapai markah 80 peratus ke atas dan seramai tiga pelajar menerima Anugerah Pelajar Cemerlang Keseluruhan bagi setiap peringkat yang mana mereka ini adalah pelajar yang mencapai purata markah tertinggi dalam lima mata pelajaran teras dan memperolehi jumlah mata pelajaran yang paling banyak mencapai 80 peratus ke atas.



MENTERI Pembangunan menyampaikan hadiah kepada Pelajar Cemerlang Keseluruhan Tahun 7 iaitu Awang Idlan Qayyum bin Abdul Mohaimin.

Bagi peperiksaan BC-GCE Peringkat 'O' 2011, Anugerah Cemerlang Keseluruhan Peringkat BC-GCE 'O' 2011 diberikan kepada seorang pelajar; empat pelajar menerima Anugerah Cemerlang 9 BC-GCE 'O' 2011; enam pelajar menerima Anugerah Cemerlang 8 BC-GCE 'O' 2011 dan sepuluh pelajar menerima Anugerah Cemerlang Dalam Mata Pelajaran BC-GCE 'O' 2011.

Bagi peperiksaan BC-GCE Peringkat 'O' 2012 pula, seorang pelajar menerima Anugerah Cemerlang Keseluruhan Peringkat BC-GCE 'O' 2012; seorang pelajar menerima Anugerah Cemerlang 9 BC-GCE 'O' 2012; sembilan pelajar menerima Anugerah Cemerlang 8 BC-GCE 'O' 2012 dan empat pelajar menerima Anugerah Cemerlang Dalam Mata Pelajaran BC-GCE 'O' 2012.

Sebagai sumber inspirasi dan motivasi kepada semua pelajar yang telah berjaya ini kerana telah bekerja keras dan memperolehi pencapaian yang cemerlang dalam peperiksaan juga mengharumkan nama sekolah, pihak YSHHB telah menyumbangkan hadiah-hadiah istimewa.

Kesemua penyampaian hadiah-hadiah tersebut telah disempurnakan oleh tetamu kehormat kepada para pelajar cemerlang dan terbaik.

# Daulatkan Bahasa Melayu dengan gigih

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 2 Julai. - Mendaulatkan Bahasa Melayu perlu diperkukuhkan dengan tindakan, amalan dan penghayatan bagi mempraktikkan penggunaan dan mengembangkan Bahasa Melayu itu sendiri di dalam kehidupan seharian oleh rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah berkata usaha-usaha untuk mendaulatkan Bahasa Melayu itu memerlukan kegigihan dan kesungguhan, manakala pendekatan untuk mengangkat dan mengembangkan Bahasa Melayu memerlukan *dynamism*, kreativiti dan inovasi dalam tindakan dan perlaksanaan.

"Ini kerana usaha memartabatkan Bahasa Melayu itu adalah satu perjalanan melintasi zaman yang akan diteruskan dan diwarisi oleh generasi muda sekarang dan yang akan datang," jelasnya semasa berucap merasmikan Sambutan Bulan Bahasa 2013, berlangsung di Airport Mall, di sini.

Oleh yang demikian, masyarakat dan generasi muda hari ini, terang Yang Berhormat, tidak boleh menolak ke tepi penggunaan Bahasa Melayu kerana ia merupakan identiti, jati diri dan kebanggaan yang mana mereka perlu mengangkat martabat Bahasa Melayu ke suatu aras yang lebih tinggi malah dengan mendaulatkan Bahasa Melayu ianya merupakan sebagai satu sumbangan besar untuk memperkasa dan mengekalkan identiti dan jati diri bangsa.

Lebih-lebih lagi dalam era globalisasi dan penggunaan sosial media yang meluas, Yang Berhormat percaya Bahasa Melayu menghadapi hambatan dan cabaran dari segi kesempurnaan dan kemurnian penggunaan dan pemakaian Bahasa Melayu.

"Sesetengah anggota masyarakat telah membelakangkan Bahasa Melayu dengan mengutamakan penguasaan bahasa asing. Begitu juga penggunaan tatabahasa dan perbendaharaan kata Bahasa Melayu telah terkeluar daripada piawainya dan digantikan dengan bahasa *internet* rencam yang diistilahkan oleh sesetengah pihak sebagai simpang perunang'," ujar Yang Berhormat.

Yang berhormat menegaskan, di sinilah peranan penting yang dimainkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ke arah memasyarakatkan secara meluas penggunaan Bahasa Melayu dengan pendekatan dan kaedah menarik dan selaras dengan perkembangan teknologi infotelekomunikasi.

Daripada kaedah biasa-biasa dan *stereotype* yang sering digunakan, DBP, jelasnya, perlu meneroka pendekatan baru melalui industri kreatif, media sosial dan elektronik mengadakan program pembelajaran Bahasa Melayu dan menghasilkan promo, iklan, drama dan sitcom televisyen dan radio yang bersangkutan dengan Bahasa Melayu.

"Dalam usaha untuk mendaulatkan Bahasa Melayu generasi muda juga seharusnya tidak berasa malu, rendah diri dan canggung bertutur dan menggunakan Bahasa Melayu. Mereka perlu menyedari tindakan penolakan dan kurang menghayati penguasaan dan penggunaan Bahasa Melayu akan menjadikan Bahasa Melayu terpinggir dalam era globalisasi," ujar Yang Berhormat.

Generasi muda juga, tegas Yang Berhormat, perlu mempunyai keyakinan bahasa suatu bangsa yang maju terletak kepada kesediaan dan kesanggupan untuk memakai dan memartabatkan bahasa mereka sendiri.

Yang Berhormat menjelaskan dewasa ini usaha untuk mendaulatkan Bahasa Melayu telah giat dijalankan dalam bentuk interaksi dan penggunaan secara meluas di dalam hubungan lisan dan persuratan pentadbiran kerajaan.

"Walau bagaimanapun untuk melengkapi usaha mendaulatkan Bahasa Melayu kita perlu mengangkat Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dengan menghasilkan penulisan dan terjemahan buku-buku ilmu merentasi umur dalam Bahasa Melayu dan DBP perlu menilai kembali hasil-hasil buku majalah yang telah diterbitkan," jelas Yang Berhormat.

Dalam masa yang sama, DBP, katanya juga memerlukan penglibatan para sarjana, pengkritik dan pemantau bahasa, agar buku-buku terbitan DBP dapat dianalisa dan diberi ulasan-ulasan fragmentasi atau resensi buku, agar orang ramai akan dapat menikmati dan memahami inti pati buku-buku yang diterbitkan oleh DBP.




MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah semasa berucap merasmikan Sambutan Bulan Bahasa 2013.

Seperkara yang perlu diberikan perhatian, tambah Yang Berhormat ialah perkembangan penggunaan Bahasa Melayu tidak sepatutnya dibiarkan berkembang dengan sendirinya tanpa dibuat sebarang penilaian.

"Seperti mana kita membuat pengauditan dan menyediakan kunci petunjuk pencapaian (Key Performance Indicator) dalam bidang pengurusan, saintifik dan banyak perkara, DBP dengan kerjasama agensi-agensi dalam kerajaan, swasta, institusi pengajian dan badan-badan bukan kerajaan perlu mengadakan audit bahasa dan menyediakan kunci petunjuk pencapaian mengenai perkembangan dan kemajuan Bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat percaya pengauditan bahasa akan dapat menilai sejauh mana Bahasa Melayu digunakan secara meluas dan dengan betul juga akan dapat meningkatkan mutu penggunaan Bahasa Melayu di negara ini.

# Hormati Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara




MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat bagi merasmikan Sambutan Bulan Bahasa 2013.

**Oleh : Saerah Haji Abd Ghani**
**Foto : Pg Haji Bahar Pg Haji Omar**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 2 Julai. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan hari ini mengadakan Sambutan Bulan Bahasa 2013 dalam usahanya untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan rakyat, penduduk tetap dan bangsa asing yang bermastautin di negara ini supaya terus menghormati kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara.

Hadir selaku tetamu kehormat merasmikan sambutan yang berlangsung di Airport Mall, di sini ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (KBS), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah.

Pada majlis ini tetamu kehormat juga merasmikan empat buku baru iaitu Anugerah Kefahaman Melayu Islam Beraja, Buku Panduan Pelancong (Tourist Guidebook), Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu dan Panduan Mudah Penggunaan Bahasa Melayu.

Majlis diselajurkan dengan Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) Projek E-Jawi yang disaksikan oleh Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Hajah Adina binti Othman.

Menandatangani bagi pihak DBP ialah Pengarahnya, Dayang Hajah Aminah binti Haji Momin manakala BAG Networks Sendirian Berhad ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dayang Haslina binti Haji Mohd. Taib serta Pemangku Pengarah Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Kassim bin Haji Mohd. Yassin.

BAG Networks mengembangkan lagi aplikasinya dengan memperkenalkan e-jawi Akademik sebuah alat e-pembelajaran dengan kepentingan kandungan berdasarkan sukatan pelajaran Pendidikan Rendah Tahun 1 hingga Tahun 4 dengan ciri-ciri tambahan yang mempunyai kaedah perkembangan pengajaran untuk para guru atas kerjasama syarikat berkenaan dengan Jabatan Perkembangan Kurikulum.

Untuk aplikasi terbaru ini, BAG Networks juga akan bekerjasama dengan DBP sebagai badan rujukan yang berautoriti dalam pemantauan dan penggunaan ejaan jawi di negara ini khusussnya mengenal pasti bentuk dan jenis tulisan jawi serta ejaan yang akan diguna pakai di dalam aplikasi berkenaan.

Antara objektif utama penandatanganan memorandum tersebut adalah untuk menggalakkan kaedah e-pembelajaran atau pembelajaran mudah alih serentak dengan perkembangan Teknologi Maklumat yang secara beransur-ansur dilaksanakan melalui pendidikan, di samping meningkatkan lagi penglibatan orang awam terutamanya ibu bapa untuk menyokong kanak-kanak dalam membangunkan kemahiran jawi.

Pada majlis itu, Yang Berhormat juga menyampaikan hadiah-hadiah kepada 83 pelajar iaitu 57 pelajar cemerlang dalam Bahasa Melayu Peringkat 'O', 24 pelajar cemerlang dalam Kesusteraan Melayu Peringkat 'O' dan dua pelajar cemerlang dalam Bahasa Melayu Peringkat 'A' level.

Ianya juga diselajurkan dengan penyampaian hadiah kepada pemenang Peraduan Resensi Buku-Buku DBP, pemenang Peraduan Mencipta Audio-Visual Promosi Bulan Bahasa 2013 dan pemenang Peraduan Menulis Minit, Memo dan Surat Rasmi

Sambutan Bulan Bahasa 2013 yang bertemakan 'Daulatkan Bahasa Melayu' ini menyediakan pelbagai aktiviti seperti penjualan buku-buku terbitan DBP, Rumah Pusaka dan sebagainya.

Bulan Bahasa disambut setiap bulan Julai yang bertujuan untuk menjunjung dan melaksanakan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Jubli Emas Penubuhan DBP pada 17 September 2012 selain menggalakkan rakyat dan penduduk negara ini meningkatkan kebolehan berbahasa melayu dan menggunakannya dengan betul.




TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Hajah Adina binti Othman bergambar kenangan sejurus menyaksikan Majlis Penandatanganan MoU Projek E-Jawi bersama Pengarah DBP, Dayang Hajah Aminah binti Haji Momin; Ketua Pegawai Eksekutif BAG Networks Sendirian Berhad, Dayang Haslina binti Haji Mohd. Taib serta Pemangku Pengarah Sekolah-Sekolah, Awang Haji Kassim bin Haji Mohd. Yassin.

# Pendidikan dinamik sentiasa berubah, mencabar



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa Majlis Dialog Bersama Pemimpin-pemimpin Sekolah Menengah Kerajaan dan Swasta 2013.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 3 Julai. - Pendidikan adalah dinamik dan sentiasa berubah yang mana kita melihat sebagai cabaran kepada sistem pendidikan, iaitu sejauh mana sistem pendidikan dapat bertindak balas kepada isu-isu semasa dan akan datang.

Dalam hubungan ini, maklum balas amat berguna dan relevan dalam usaha berterusan Kementerian Pendidikan untuk menyelaras atau membuat 'allignment program' atau rancangan-rancangan yang sedang dan akan dijalankan dengan keperluan semasa dan akan datang.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menjelaskan demikian pada Majlis Dialog Bersama Pemimpin-pemimpin Sekolah Menengah Kerajaan dan Swasta 2013 bertempat di Dewan Persidangan P1, Kementerian Pendidikan, di sini.

"Apa yang perlu kita sedari bahawa kita di kementerian ini tidak berada dalam zon selesa, jauh sekali merasa *complacent* dengan apa yang diusahakan dan dilaksanakan pada masa ini ataupun berpuas hati sekiranya ada pencapaian-pencapaian sejauh ini," tegasnya.

Oleh yang demikian, Yang Berhormat menyeru kepada semua pemimpin sekolah supaya akan dapat terus berganding bahu memacu dengan cekap, pantas dan tangkas merealisasikan visi kementerian iaitu 'Quality Education Towards a Developed, Peaceful and Prosperous Nation' menuju Wawasan 2035 melahirkan rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran.

Kesemua inisiatif itu, jelas Yang Berhormat bertujuan mendukung bidang fokus strategik kementerian iaitu Pengajaran dan Pembelajaran Yang Cemerlang; Profesionalisme dan Kebertanggungjawaban; dan Kecekapan dan Membawa Pembaharuan.

Katanya, sebagai pemimpin sekolah, secara langsung berada di arena pengajaran dan pembelajaran, kita sewajarnya sentiasa ingat dan prihatin dalam mendukung dan melaksanakan bidang-bidang fokus strategik ini.

Pada sesi muzakarah itu juga, Menteri Pendidikan telah mengongsikan perkara-perkara yang disampaikan kepada pemimpin-pemimpin sekolah rendah di sesi dialog kedua iaitu pada 2 Julai 2013 yang mana beliau telah menyentuh berkenaan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Awal Tahun Masihi 2013 yang menekankan kepentingan kemahiran asas membaca, menulis dan mengira.

"Keputusan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) perlu diambil iktibar dan perhatian yang serius untuk memperbaikinya lagi dan cari punca mengapa sebahagian anak-anak sekolah kita tidak dapat menguasai kemahiran asas ini atau mungkinkah saja latihan dan pendidikan perguruan perlu dipertingkatkan lagi", ujarnya.

Seterusnya beliau menegaskan Kementerian Pendidikan wajar menilai semula kedudukan pendidikan teknik dan vokasional bagi memastikan pendidikan di sektor ini boleh menyumbang kepada keperluan industri dan pekerjaan bagi anak-anak tempatan.

Secara khususnya, beliau sangat menghargai akan usaha yang akan dilaksanakan oleh Ahli Jawatankuasa Pengetua dan Timbalan Pengetua Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab Kerajaan (JAPTIM) sebagai satu organisasi yang sehingga masa ini telah dapat menggerakkan berbagai program bagi meningkatkan kapasiti pemimpin-pemimpin sekolah dan guru-guru.

Menerusi majlis seumpama ini, Yang Berhormat berharap akan dapat bertukar-tukar fikiran dalam perkara-perkara berkaitan dengan pendidikan khasnya dalam melaksanakan usaha-usaha meningkatkan kualiti pendidikan di negara ini.

# Lepasan KUPU SB ada persaingan



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman mengetuai bacaan Surah Al Faatihah.

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

**KUALA BELAIT**, Rabu, 3 Julai. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melahirkan guru-guru yang berkebolehan untuk mengajar subjek-subjek khas yang berkaitan dengan ugama.

Walau bagaimanapun untuk memastikan pelajar-pelajar kolej tersebut akan menjadi guru akan bergantung kepada peruntukan-peruntukan yang disediakan, jawatan-jawatan yang kosong dan melalui prosedur-prosedur tertentu seperti proses temuduga dan sebagainya.

"Jika mereka berjaya melaluinya, barulah mereka diterima menjadi guru. Tidak semestinya mereka lulus daripada Kolej, mereka akan terus menjadi guru. Maknanya ada persaingan," kata Menteri Hal-Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman semasa menjawab soalan yang dibangkitkan oleh wartawan PELITA BRUNEI mengenai lepasan pelajar-pelajar kolej berkenaan tahun lalu yang masih belum mendapat pekerjaan.

"Menurut pendapat saya sendiri, jika telah lulus dari Kolej berkenaan, insya-Allah, tidak awal atau akhir, rezeki mereka akan ada," ungkap Yang Berhormat semasa membuat lawatan ke bangunan baru Sekolah Arab Belait pada Majlis Doa Kesyukuran Penggunaan Sekolah tersebut di Jalan Dipa Negara, Kampung Mumong, di sini.

Ketika ditanya mengenai pandangan Yang Berhormat mengenai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai guru-guru ugama dari luar negeri yang datang mengajar ke rumah-rumah persendirian.

Yang Berhormat menyanjung tinggi titah baginda itu sambil menyifatkan titah baginda itu memang tepat sebagai mengingati dan menyedarkan kita bahawa negara kita mempunyai peraturan-peraturan untuk mengawal aqidah dan syariah orang-orang Islam di negara ini agar tidak menyeleweng dan tersesat.

"Kita khuatir jika guru-guru berkenaan tidak ditapis sehalus-halusnya, mungkin boleh merosakan aqidah orang-orang kitani. Ia terpaksa ditapis dan ditemuduga oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), sebagai pihak yang berkuasa," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah selepas mereka mendapat kelulusan daripada pihak berkenaan, barulah mereka boleh mengajar. Jika mereka didapati tidak melalui prosedur-prosedur sedemikian dan terus mengajar tanpa mendapat kelulusan, mereka sendiri akan menanggung risiko.

# Sekolah Arab Belait dilengkapi dengan prasarana moden

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

**KUALA BELAIT**, Rabu, 3 Julai. - Sekolah Arab Belait merupakan sekolah Arab khas pertama yang dibina di daerah ini dengan peruntukan perbelanjaan berjumlah BND3.8 juta termasuk dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-9.

Bangunan sekolah dua tingkat itu mempunyai prasarana yang lengkap dan moden bagi pengajaran dan pembelajaran seperti projektor yang lengkap dengan layar telah dipasang dalam setiap bilik darjah.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman telah membuat lawatan ke bangunan baru sekolah berkenaan di Jalan Dipa Negara, Kampung Mumong, di sini.

Yang Berhormat juga meninjau lebih dekat ke bilik-bilik darjah, makmal-makmal, perpustakaan dan persekitaran sekolah.

Selain bilik darjah dan bilik guru, sekolah berkenaan telah dilengkapi dengan bilik mesyuarat yang dilengkapi dengan PA Sistem; bilik pertolongan cemas, stor, perpustakaan, bilik ICT dan surau.

Sekolah tersebut mula digunakan awal bulan ini. Setakat ini jumlah pelajar 137 orang bermula dari Tahun 5 hingga 7, meliputi 45 pelajar Tahun 5, 53 pelajar Tahun 6 dan 39 pelajar Tahun 7.

Waktu pembelajaran bermula pukul 7.30 pagi hingga 3.30 petang yang mana sekolah berkenaan di bawah tadahan Daerah Belait, manakala guru seramai 17 orang terdiri daripada lima guru lelaki dan 12 guru perempuan termasuk guru besar.

Empat daripada guru-guru tersebut mengajar subjek Bahasa Arab dan guru selebihnya mengajar akademik dan Pengetahuan Ugama Islam menggunakan bahasa pengantar bahasa Arab.

Di Daerah Belait kemasukan pelajar ke sekolah Arab setiap tahun dianggarkan purata 50 orang, ini disebabkan prasarana yang tidak mencukupi dan walau bagaimanapun bangunan baru sekolah Arab di jangka akan dapat membantu menampung jumlah kemasukan pelajar yang di jangka akan meningkat pada masa akan datang.

Majlis Peletakan Batu Asas (Tiang Sari) sekolah tersebut yang mempunyai keluasan tanah 3.5 ekar telah diadakan pada 26 Januari tahun lalu, yang telah disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman menanyakan kepada seorang pelajar semasa dibawa meninjau ke bilik-bilik darjah.

# Rumah panjang 16 pintu musnah dalam kebakaran



PEMANGKU Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman di lokasi kebakaran yang berlaku sekitar pukul 12.00 tengah malam.

**Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abd. Karim**

**TEMBURONG**, Jumaat, 5 Julai. - Rumah Panjang 16 buah pintu di Kampung Sumbiling Baru, Mukim Amo yang didiami seramai 102 orang penghuni musnah dalam satu kebakaran yang berlaku tengah malam.

Nasib malang yang menimpa para penghuni itu mendapat perhatian dari Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman yang membuat lawatan kepada para mangsa yang sebahagiannya di tempatkan sementara di Rumah Panjang Kampung Sibut.

Menurut Datin Paduka Hajah Adina, pihak KKBS akan memberikan bantuan kepada para mangsa sekali gus akan membina semula rumah panjang di tapak dan kawasan yang sama dengan kerjasama Jabatan Daerah Temburong.

Datin Paduka Hajah Adina berserta rombongan juga membuat lawatan ke tapak Rumah Panjang Kampung Sumbiling Baru bagi meninjau dengan lebih dekat lagi kemusnahan yang diakibatkan oleh kebakaran.

Hadir semasa lawatan tersebut Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah dan Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Suhara Fadzali bin Haji Mohd. Yusop.

Jabatan Daerah Temburong juga telah menghulurkan bantuan makanan asasi kepada para mangsa.

Menurut penghuni rumah panjang tersebut kebakaran bermula kira-kira pukul 12.20 tengah malam yang mana pihak bomba menerima panggilan kira-kira 35 minit kemudian dan terus berkejar ke tempat kejadian.

Punca dan jumlah kerugian masih dalam siasatan.

# Brunei tuan rumah Mesyuarat ASEAN AMT Kedua

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 4 Julai. - Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Kumpulan Bertindak Kesihatan Mental ASEAN Ke-2 (ASEAN AMT) yang berlangsung di Hotel Radisson bermula 4 Julai sehingga 6 Julai 2013.

Majlis Pembukaan Rasmi mesyuarat tersebut disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil.

Seramai 60 peserta menyertai Mesyuarat AMT Kali Kedua ini yang terdiri daripada delegasi anggota negara ASEAN, perwakilan dari Sekretariat ASEAN dan pertubuhan antarabangsa termasuk rakan-rakan dialog.

Objektif utama Mesyuarat Kumpulan Bertindak tersebut adalah bagi meneruskan perbincangan terhadap perkara-perkara yang belum selesai daripada Mesyuarat Kumpulan Bertindak Kesihatan Mental yang pertama dan mengemukakan cadangan-cadangan yang perlu bagi mesyuarat kedua, di samping menilai semula pelaksanaan Pelan Kerja ASEAN mengenai Kesihatan Mental 2011-2015.

Isu mengenai Kerjasama Kesihatan Mental dalam kalangan rantau ASEAN bermula dalam tahun 2002 semasa Bengkel Menteri Kesihatan ASEAN (AHMM) di Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Lao yang meluluskan Gaya Hidup Sihat ASEAN dan menyatakan keperluan bagi ASEAN untuk menangani kedua-dua penyakit berjangkit dan penyakit tidak berjangkit termasuk kesihatan mental.

Panduan oleh Deklarasi ASEAN mengenai Gaya Hidup Sihat 2002, Blueprint Komuniti Sosio Budaya ASEAN (ASCC) termasuk strategi serantau yang diterangkan dalam Rangka Kerja Strategik Pembangunan Kesihatan (2010-2015) menyatakan bengkel tersebut menghasilkan draf terma rujukan mengenai Kumpulan Bertindak Kesihatan Mental ASEAN (AMT) dan Pelan Kerja ASEAN mengenai Kesihatan Mental (2011-2015).

Komponen-komponen utama termasuk Strategi I: Membangunkan sokongan dasar ASEAN mengenai Kesihatan Mental, Strategi II: memudahkan integrasi penjagaan kesihatan mental kepada sistem penjagaan kesihatan dan mengukuhkan pembangunan kapasiti, Strategi III: memudahkan dan mengukuhkan sistem maklumat data kesihatan mental, pengurusan pengetahuan dan penyelidikan dan Strategi IV: mewujudkan rangkaian ASEAN terhadap Kesihatan Mental.

Mesyuarat pertama ASEAN AMT diadakan di Viet Nam pada bulan Mei 2012.




MESYUARAT Kumpulan Kerja Kesihatan Mental ASEAN Kali Ke-2 telah dirasmikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil.

# Hutan ASEAN antara ekosistem terpenting di dunia

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 5 Julai. - Hutan merupakan sebahagian daripada budaya dan tradisi ASEAN dan kesedaran yang semakin meningkat terhadap nilai-nilai hutan ASEAN dan kaitannya kepada kebimbangan antarabangsa memberikannya sebagai antara ekosistem hutan tropika terpenting di dunia.

Kekurangan hutan yang berterusan di ASEAN telah mengancam pengeluaran balak, perlindungan kawasan tadahan air, biodiversiti, imbangan karbon global dan kehidupan luar bandar.

Jika tidak ditangani, ia akan menyebabkan kerugian drastik kepada asas ekonomi yang biasanya dilindungi.

Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU), Dayang Hajah Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri menyatakan perkara itu semasa merasmikan Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan Perhutanan ASEAN Kali Ke-16 berlangsung di salah sebuah hotel terkemuka di Gadong.

Walau bagaimanapun jelas Dayang Hajah Normah Suria Hayati, kita tidak akan berhenti di sini dan perlu untuk meneruskan lagi kerjasama serantau serta meningkatkan penyelarasan dasar dalam kalangan anggota ASEAN bagi menghadapi keperluan-keperluan yang baru muncul ke arah memastikan pengurusan hutan yang mampan dan pemulihaan sumber semula jadi.

Selain itu tambahnya, terdapat juga keperluan untuk terus memperkukuhkan kerjasama dan pendekatan bersama supaya ASEAN mempunyai perwakilan yang kuat (*strong representation*) dalam perbincangan dan inisiatif hutan global dan antarabangsa.

"Oleh itu, marilah kita meningkatkan keupayaan kita melalui pembelajaran, perkongsian maklumat dan pembangunan sumber manusia dengan membuka ruang untuk perkongsian di dalam dan luar ASEAN," tegasnya.

Dayang Hajah Normah Suria Hayati juga menasihati semua pihak untuk memperluaskan lagi wawasan dan meningkatkan kreativiti dalam membangunkan cadangan baru dan program-program yang akan menjadi kepentingan bersama serta mengambil kesempatan daripada peluang yang ada di arena antarabangsa dan memudahkan rakan-rakan negara anggota ASEAN untuk bergerak ke hadapan.

Dalam usaha yang sama, Setiausaha Tetap menyeru bagi mengukuhkan hubungan dan berkongsi sumber yang ada untuk memastikan perkara-perkara yang sedang dilaksanakan ketika ini bertahan bagi mencapai objektif tepat pada masanya.

Menurutnya, wujudnya Kumpulan Perhutanan di ASEAN (ASOF) menjadi semakin penting yang mana isu yang dibincangkan dalam ASOF kekal mustahak.

ASOF ujarnya, bukan sahaja platform untuk pengharmonian tetapi ia adalah platform untuk perkongsian pengetahuan, pembinaan kapasiti, kesedaran, dan yang paling penting sekali adalah platform bagi rangkaian.

Selama bertahun-tahun jelasnya, pakar-pakar dalam kumpulan ini bekerja bersama-sama, membuat perundingan antara satu sama lain dalam mesyuarat, di luar mesyuarat dan dari rumah sekali gus membuktikan bahawa ini adalah platform yang sesuai bagi ASEAN untuk bersatu dengan cara yang aman.

Mesyuarat ASOF Ke-16 pagi tadi dimulakan dengan kata-kata aluan daripada pengerusi yang akan menamatkan tugas (Outgoing Chairman) dari Viet Nam, Dr. Ba Ngai Nguyen sementara pengerusi yang akan mengambil alih ialah Pengarah Jabatan Perhutanan, Haji Saidin bin Salleh selaku Ketua ASOF Brunei Darussalam.



SETIAUSAHA Tetap KPSSU, Dayang Hajah Normah Suria Hayati berucap semasa merasmikan Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN Mengenai Perhutanan Kali Ke-16.

Antara perkara yang dibincangkan pada mesyuarat tersebut termasuk mengenai aktiviti di bawah pengurusan hutan mapan, program-program kerjasama ASEAN dan projek perhutanan, isu-isu perhutanan ASEAN dan persekitarannya serta Kerjasama ASEAN-ROK dalam bidang perhutanan.

Sementara itu, laporan atau cadangan-cadangan hasil daripada mesyuarat itu akan diserahkan dan menjadi salah satu *input* bagi Mesyuarat Pertanian dan Perhutanan Menteri-Menteri ASEAN Ke-35 (AMAF) di Malaysia.




MESYUARAT Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN Mengenai Perhutanan Kali Ke-16 dipengerusikan bersama oleh perwakilan dari Viet Nam dan Pengarah Perhutanan, Awang Haji Saidin bin Salleh.

# Oleh-oleh dari Berlin

**Cetusan Minda**



Oleh:
Haji Mohd. Salleh Abdul Latif,
Penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara 1990
*(The S.E.A. Write Award 1990)*

**BILANGAN 97**

PENGALAMAN penulis semasa mengikuti kursus kewartawan di Internationales Institut Fur Journalismus (IIJ), yakni Institut Kewartawanan Antarabangsa, di Berlin Barat selama tiga bulan menjadi intipati cetusan minda kali ini. Penulis berada di situ bermula 13 Mac 1986. Berlin Barat adalah umpama pulau di tengah bumi Jerman Timur. Ia dipisahkan oleh Tembok Berlin di sekeliling kota itu. Syukur alhamdulilah, masih segar dalam ingatan meski sudah lebih 27 tahun berlalu. Ketika itu Tembok Berlin masih lagi kukuh berdiri, lambang adanya perang dingin antara Blok Barat dengan Blok komunis.

Kekalahan Jerman dalam Perang Dunia Kedua menjadikan seluruh Jerman hancur dan terbelah dua menjadi Jerman Barat (Berlin Barat) dan Jerman Timur (Berlin Timur). Jerman Timur terpaksa tunduk kepada tadbir dan pengaruh komunis di bawah Soviet Union. Manakala Jerman Barat dan Berlin Barat pula ditadbir bersama oleh pihak bersekutu iaitu Amerika, Peranchis dan Britian. Warga Berlin Timur dan Berlin Barat adalah bangsa Jerman yang sama. Jerman disatukan semula pada tahun 1990. Dan Tembok Berlin ikut diruntuhkan.

Bagi menghalang penduduk Jerman Timur melarikan diri ke Berlin Barat, kerajaan komunis Jerman Timur membina tembok di sekeliling Berlin Barat yang dikenali sebagai Tembok Berlin.

Pihak bersekutu pula senghaja membina banyak pelantar tinjauan di Berlin Barat. Itu salah satu tanda perang dingin antara blok Barat dan blok komunis masih ada. Hari kedua menjejak kaki di situ, penulis dengan peserta lain memanjat pelantar bagi meninjau apa yang terdapat di bumi komunis itu. Ramai juga pelancong memanjat pelantar-pelantar di tepi tembok bagi melihat bumi yang dikuasai komunis.

Sekitar sepuluh depa daripada tepi sekeliling tembok di sebelah Berlin Timur dipenuhi dengan alat-alat berelektrik bagi menghalang orang Jerman Timur menghampiri tembok. Sukar orang dapat melepasinya namun percubaan sentiasa ada. Lagipun polis Jerman Timur berkawal setiap masa. (*Nota : Jerman Barat dan Jerman Timur bersatu semula pada tahun 1990 dan Tembok Berlin pun diruntuhkan).*

Penulis bertolak dari Negara Brunei Darussalam ke Republik Singapura pada 9 Mac 1986 sebelah tengah hari. Enam jam setelah berada di Airport Changi Singapura, penulis menaiki pesawat rasmi Jerman Barat iaitu Lufthansa terus ke Frankfurt. Pesawat itu singgah di Bangkok, Bombay, Karachi dan Athens. Mengambil dan menurunkan penumpang, atau untuk mengisi minyak. Hah, satu perjalanan jauh yang memakan masa berbelas jam. Terbit fajar 11 Mac baru sampai di Frankfurt. Musim luruh baru saja bermula.

Dari Frankfurt penulis meneruskan penerbangan domestik ke Berlin Barat. Menempuh ruang udara Jerman Timur yang dikuasai komunis. Mendarat di Berlin Barat sekitar 10.00 pagi pada hari yang sama. Seorang petugas institut menunggu. Terus dibawa mendaftar di Institut IIJ. Bangunan tiga tingkat institut itu berseberangan dengan bangunan percetakan akhbar Berliner Morgenpost, milik Springer.

Institut IIJ ditaja bersama oleh pihak berkuasa Berlin Barat dan dibiayai oleh Syarikat Penerbitan terbesar Jerman Barat, Axel Springer AS. Bagi kursus ini bahasa Inggeris digunakan sepenuhnya, bukan bahasa Jerman. Kursus lanjutan kewartawanan bagi para wartawan media cetak dari negara-negara membangun di Asia, Afrika dan Latin Amerika.

Dengan kereta salon penulis dibawa ke tempat penginapan, iaitu apartment empat tingkat yang dijadikan asrama. Dua jam selepas kedatangan penulis, sampai pula wartawan dari Thailand dan Myanmar. Di asrama sudah ada dua orang wartawan lain dari Pakistan. Wartawan dari Nepal, India, Hong Kong, Paraguay, Ghana, Kenya dan Jamaica sehari lebih awal sampai di Berlin. Pada pagi 12 Mac, tiba lagi peserta dari Malaysia (wartawan BERNAMA), Republik Indonesia (wartawan ANTARA) dan Filipina. Semuanya berjumlah 22 orang termasuk dua wartawan wanita (Paraguay dan Ghana). Semua kami tidak tahu berbahasa Jerman kecuali wartawan Paraguay. Selain faham bahasa Jerman, dia juga fasih berbahasa Inggeris dan Peranchis. Kami panggil dia Natalie, aktif dan cerdik serta PRnya agak tinggi. Berbicara dengannya semacam sudah kenal lama. Selain punya kelulusan dalam bidang kewartawanan, dia juga pemegang diploma tertinggi dalam perhubungan awam. Pembawaannya sepanjang kursus itu tak ubah semacam seorang diplomat!

Setiap bilik di asrama itu disediakan dapur, periuk, pinggan, gelas, sudu, garfu dan mangkuk. Ianya satu rahmat. Kenapa? Tidak jauh dari asrama terdapat beberapa buah kedai runcit yang menjual barangan makanan asas. Minda cepat berkira-kira.

Pada hari pertama setelah kami semua diberi taklimat dan makan tengah hari, kami dipandu menggunakan kereta api bawah tanah atau tren yang dipanggil U-Bahn ke asrama kira-kira 15 minit dari tempat kursus. Institut IJJ terletak di jantung kotaraya Berlin Barat. Penulis bersyukur kerana sudah terbiasa dengan pengangkutan seperti itu ketika jadi siswa di London pada akhir tahun 70-an dan awal tahun 80-an. Di London dipanggil tube, di Jerman dipanggil U-Bahn. Di Paris pula dipanggil Metro.

Sepanjang berada di Berlin Barat peserta digalakkan makan tengah hari di kantin akhbar di bangunan Axel Springer. Institut IJJ terletak di seberang bangunan percetakan itu, dipisahkan oleh jalan kecil selebar 24 kaki. Setiap peserta dibekalkan satu kartu komputer bagi menentukan harga makanan untuk sebulan. Kita diberi bil setiap hujung minggu berasaskan kepada apa yang telah dimakan. Dari situ jumlah ganjaran elaun yang diberi dipotong. Ini pengalaman baru bagi penulis.

Kan halnya, selera dan perut penulis tidak selesa dengan makanan di kantin itu. Sungguh, sukar untuk dipastikan halalnya! Loya tekak bila nampak *bacon* dan *sandwich ham*. Telur dadar, mee goreng sayur kobis pun dicampur dengan daging babi halus.

Penulis hanya makan di kantin itu di hari pertama kuliah sahaja. Salad dan buah-buahan sahaja yang diambil. Petangnya pergi ke kedai runcit dan beli barangan makanan dan minuman asas. Ikan segar, sayuran boleh didapat dalam pasar mini.

Nah hari-hari berikutnya, penulis masak nasi, goreng telur, ikan, sayur kubis. Yang pasti, buah-buahan segar dibeli setiap hari. Sekali masak untuk tiga kali makan; sarapan, tengah hari dan malam. Tengah hari balik ke asmara untuk Sembahyang Zohor dan makan tengah hari. Lepas itu pergi semula ke kelas menaiki U-Bahn. Ramai dari kalangan peserta dari Asia balik tengah hari ke asrama.

Mereka juga memasak di bilik masing-masing. Lagi pun dengan kartu khas yang sentiasa dibawa bersama sebagai penuntut di IIJ, tambang tren U-Bahn agak rendah harganya berbanding penumpang lain.

Peserta dari Latin Amerika, Afrika, Hong Kong, Myanmar dan Thailand jarang balik tengah hari ke asrama. Malah di hari-hari kelepasan awam pun, kantin percetakan yang beroperasi setiap hari itu wajib didatangi. Menu hidangan memang banyak di situ dan harga pun rendah dibanding jika makan di luar kantin.

Minggu-minggu pertama dan kedua berada di institut IIJ, penulis membuat banyak *homework* selain rajin membaca. Buku 'The Elite Press (1968)' dan buku yang ditulis John Merrill bersama Herold 'Fisher The World's Great Dailies (1980)' banyak membantu penulis untuk tidak segan berhujah ketika dalam kelas. Penulis pinjam buku-buku ini dari perpustakaan awam Berlin. Itu pun atas syor Natalie.

Seingat penulis kedua-dua buku itu menghuraikan secara terperinci sikap dan pendirian penerbitan dan percetakan benua-benua sejagat. Akhbar-akhbar di negara kapitalis biasanya menumpukan 40 peratus hingga 65 peratus isi kandungannya kepada ruang berita dan editorial. Bahagian ruang berita termasuk jenis 'berita yang berat' (misalnya, berita ekonomi dan alam sekitar), dan 'berita ringan' (misalnya, pendedahan gaya hidup dan sukan).

Kebanyakan akhbar harian di negara-negara berorientasikan pasaran berjaya mengembangkan liputan beritanya dalam bidang perniagaan, kepenggunaan dan kewangan. Akhbar-akhbar Eropah biasanya menekankan ruangan pendapat dan dokumentasi melalui halaman-halaman tertentu. Pendekatan ini membezakan mereka daripada bentuk berita yang lurus dan bersahaja, sebaliknya yang berdasarkan '5W' dan formula 'IH'. Formula ini diajar dalam kursus kewartawanan asas yang menekankan persoalan asas seperti 'siapa', 'apa', 'bila', 'di mana' 'kenapa' dan 'bagaimana'.

Warga Jerman sering kali mendakwa bahawa satu daripada sistem akhbar yang berkualiti baik dan yang paling dinamik di dunia ialah akhbar Jerman Barat. Jumlah akhbar hariannya adalah 1,200 buah. Jumlah yang besar ini dihasilkan oleh hanya 300 penerbit melalui sistem ekonomi berpusat. Kebanyakan syarikat penerbitan menggunakan kakitangan yang terlalu sedikit atau kecil. Penerbit-penerbit tersebut memasarkan akhbar-akhbar mereka yang sama ke beberapa bandar melalui penyebaran maklumat yang pertama ke seluruh pelusok negara,

Akhbar harian yang terulung ketika itu dan salah satu yang terbaik di Eropah bernama Frankfurter Allgemeine Zeitung. Edaran hampir setengah juta setiap hari. Akhbar ini berwarna kelabu dan bercorak tradisional. Ia mempunyai pendekatan yang konservatif dan penulisan yang berat iaitu daripada berita politik dan ekonomi kepada maklumat berkaitan dengan buku dan kebudayaan. Di kota raya Munich terdapat akhbar harian yang digalati bernama Suddeutsche Zeitung. Akhbar harian Die Welt di Hamburgh, di samping akhbar Bild Zeitung. Ia merupakan satu *tabloid* yang sensasi dan menerbitkan 22 edisi tempatan yang berbeza. Mempunyai jualan yang tertinggi di Barat Eropah iaitu 5.9 juta nashkah.

Percambahan bual santai dengan peserta lain di asrama, ketika naik tren U-Bahn, ketika sama-sama *window shopping* di Mall kota raya Berlin memberi manfaat pengetahuan tentang dunia persuratkhabaran negara-negara peserta. Contohnya, akhbar bahasa Nepal yang utama dan tertua bernama Gorkhapatra yang dimiliki oleh Gorkhapatra Corporation. Pertubuhan ini adalah badan akhbar yang berkuasa autonomi yang diuruskan oleh lembaga pengarah yang diwakili oleh ahli-ahli yang dilantik oleh kerajaan. Antara akhbar harian utama berbahasa Inggeris ialah Rising Nepal yang dimulakan pada tahun 1961.

Seingat penulis, di India lebih kurang 30 peratus akhbar harian diterbitkan di bandar-bandar besar seperti Delhi, Bombay, Calcutta dan Madras. Akhbar berbahasa Hindi mempunyai jumlah pembaca mencecah 14 juta dan akhbar berbahasa Inggeris berjumlah 10 juta. Dalam bahasa Inggeris terdapat lima akhbar yang dianggap oleh kerajaan sebagai penggerak pemikiran rakyat iaitu Times of India, Statesman, Hindustan Times, Indian Express dan Hindu.

Mohammad Ali Jinnah adalah seorang tokoh Islam di Pakistan. Dia pengasas akhbar utama berbahasa Inggeris bernama Dawn. Selain akhbar bernama Muslim, Nation dan Pakistan Times. Akhbar-akhbar harian ini diterbitkan oleh Amanah Percetakan Negara yang tidak mementingkan keuntungan. Antara akhbar harian utama berbahasa Urdu yang terbit di Pakistan ialah Jang, Nawa-i-waqt, Mashriq iaitu akhbar milik kerajaan. Akhbar-akhbar berbahasa Inggeris dibaca khususnya oleh kelas elit dan akhbar bahasa Urdu oleh golongan elit dan masyarakat umum. Majoriti akhbar dipenuhi dengan beita-berita politik dan rencana. Berita tentang kebudayaan dan hiburan sukar didapati. Ciri yang lain adalah orientasi yang cukup besar terhada perkara agama.

Thailand memiliki berbelas-belas akhbar harian, mingguan dan bulanan. Akhbar-akhbar tersebut diterbitkan dalam bahasa Thai, Cina dan Inggeris. Akhbar harian dalam bahasa Inggeris yang paling berpengaruh ialah Bangkok Post. Manakala akhbar harian berbahasa Thai ialah Matichon. Mereka mengamalkan penapisan sendiri.

Akhbar Indonesian Times, Jakarta Post dan Indonesian Observer adalah tiga akhbar berbahasa Inggeris yang paling disukai di Jakarta. Akhbar berbahasa Indonesia yang agak menonjol ialah Kompas, Pos Kota, Suara Pembaharuan Sinar Harapan. Di luar Jakarta, beberapa akhbar harian yang berpengaruh diterbitkan di Jawa Barat, Yogyakarta, Sumatra Utara, Jawa Tengah, Jawa Timur dan Bali.

Malaysia pula ada Malay Mail, New Sunday Times, Sunday Mail, Business Times, The Star. Akhbar dalam bahasa Melayu pula antaranya ialah Utusan Malaysia dan Berita Harian. Rakan Filipina pula mengatakan terdapat lebih kurang 36 akhbar harian dan enam akhbar mingguan diterbitkan di Manila. Akhbar-akhbar itu termasuklah Manila Times, Manila Chronicle, Philippines Daily Express, Philippine Daily Inquirer dan Philippine Star. Sebahagian besar akhbar dimilik oleh usahawa yang kaya. Tidak terdapat akhbar milik kerajaan di negara itu. Namun, akhbar-akhbar mempunyai kecenderungan untuk mempraktikkan penapisan sendiri.

Menurut peserta dari Jamaica bahawa akhbar Daily Gleaner di Kingston, Jamaica adalah satu daripada akhbar elit. Nama jolokan *Gleaner* adalah selaras dengan nama-nama akhbar terkemuka di pulau tersebut. Pemiliknya bernama Gleaner Co. Ltd, juga menerbitkan akhbar Star. Akhbar harian pagi *Gleaner* diedarkan sekitar 50 ribu nashkah. Akhbar harian petang bernama Star terjual sekitar 60 ribu nashkah setiap petang.

Wartawan aktif dan cerdas dari Paraguay, Natalie, berkata di rantau mereka terdapat beberapa akhbar yang berprestij dan berbau pendidikan politik. Secara tradisi, beberapa akhbar di situ dikaitkan dengan keluarga yang berpengaruh dan khususnya berorientasikan politik.

"Adalah suatu perkara yang biasa, anak lelaki dididik menjadi penerbit, editor atau pengurus besar. Mereka sudah lama menerima pendidikan dari universiti yang terbaik di Amerika Syarikat dan Eropah."

"Bagaimana pula tentang anak perempuan? Natalie?" tanya kami serentak.

Penulis masih ingat, jawapan yang diberikan Natalie agak selamba, "Anak lelaki mereka tidak berani ke Berlin. Aku yang jadi galang ganti. Aku sungguh beruntung dapat bertemu kalian semua."

Kelas itu pun bising. Ada yang ketuk meja. Pensyarah kami, wartawan berpengalaman dari Britain, hanya tersenyum. Sekitar lima minit dibiarkan kami saling tingah bertingkah dalam kelas.

Institut IIJ di Berlin Barat ini bukan satu institut untuk melahirkan wartawan baru. Ianya lebih merupakan seminar, bual bicara, percambahan pemikiran dalam kalangan para wartawan dan pegawai akhbar dari negara Asia, Afrika dan Latin Amerika.

Peserta-pesertanya adalah atas jemputan kedutaan Jerman Barat di negara masing-masing. Instutit itu cuba mengenakan disiplin seperti seorang pelajar kepada peserta walhal pesertanya adalah kalangan wartawan yang sedang bekerja. Majoriti kami sudah berkeluarga. Rata-rata umur kami semua pada ketika itu antara 33 tahun ke 40 tahun. Penulis pada zaman itu sudah berumur 39 tahun.

Kami banyak didedahkan kepada British *press* bukan Jerman *press*. Maklumlah, penceramah-penceramah yang saling berganti selang setiap dua minggu ialah wartawan kanan yang didatangkan dari Britain. Dari Peranchis hanya seorang.

Malah sedikit sangat maklumat tentang media Jerman yang penulis pelajari. Tetapi kursus ini banyak mendedahkan pengetahuan tentang sejarah bangsa Jerman, tentang politik dan budaya masyarakatnya. Sebelum itu, tidak banyak maklumat tentang sejarah dan politik Jerman yang penulis ketahui.

Tiada kursus pada hari Ahad. Nah, hari Ahad ketiga setelah tiba di Berlin, kami semua diaturkan oleh petugas institut untuk dibawa melawat ke Berlin Timur. Kami ke situ dengan pemandu pelancong. Entah, apa warganegaranya. Yang pasti, warga Berlin Barat ditegah dari memasuki Berlin Timur. Jika tidak silap, setiap kami diberikan 10 Mark Jerman Barat.

Kami dibawa menaiki U-Bahn. Sebaik melintas pintu masuk Berlin dikenali Checkpoint Charlie, masih nampak sisa bangunan runtuh akibat Perang Dunia Kedua. Sisa-sisa bangunan runtuh dibiarkan begitu saja. Daif. Kami sempat di bawa ke sebuah Taman Purba. Tiada siapa dari kalangan kami semua yang bertanya dan buka mulut. Tidak juga Natalie yang cerdik itu. Pemandu pelancong awal-awal mengingatkan kami untuk patuh kepada arahannya. Jangan cuba *memandai-mandai* tinjau sana tinjau sini. Terasa ada beberapa pasang mata mengintai setiap pergerakan kami. Tidak lebih dua jam kami berada di Berlin Timur. Tidak banyak yang dapat dilihat. Kota Berlin Timur tidak bermaya. Sebaik kami kembali ke Berlin Barat, penulis tanya pada Natalie, 'Maaf Natalie! Kenapa kita semua awak tidak buka mulut di Jerman Timur?"

Natalie hanya tersenyum. Separuh berbisik Natalie berkata, 'Gerun kepada KGB.' (KGB ialah organisasi perisikan Soviet Union. Fungsinya sama macam CIA bagi Amerika Syarikat, MI5 bagi Britain).

Penulis masih ingat kata yang dilontarkan oleh wartawan dari Jamaica secara telus kepada pengurus institut itu, "Kami datang ke sini bukan penuntut ilmu kewartawanan tetapi adalah peserta kursus dan tetamu kepada pihak berkuasa dan masyarakat Berlin."

Sebelum itu, tidak banyak maklumat tentang sejarah dan politik Jerman yang diketahui. Benar, kursus itu bukan untuk mengajar bagaimana menjadi wartawan yang baik. Ianya mendedahkan penulis tentang tambahan ilmu pengetahuan dan suasana di Jerman. Sepanjang kursus itu juga kami sempat tinggal beberapa hari di Hamburg, Hannover dan Munich. Tentunya dengan penerbangan domestik. Jiwa wartawan memang sentiasa dahagakan maklumat dan ilmu pengetahuan! SEKIAN.

# RUMUSAN BARANGAN KEPERLUAN HARIAN MINGGU KEDUA 8 JULAI 2013

| No. | DESCRIPTION | WEIGHT | HUA HO (TG BUNUT) | HUA HO (YAYASAN) | SIM KIM HUAT (KIULAP) | SIM KIM HUAT (TUTONG) | TEGUH RAYA | ORBIT SUPERMARKET | DE RIMBA |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | **Condensed Milk (Susu Manis Pekat)** | | | | | | | | |
| | F&N | 390 g | $1.00 | $1.05 | $1.00 | $1.10 | $1.00 | $0.99 | $1.05 |
| | Milkmaid | 388 g | $1.05 | $1.05 | $1.10 | $1.10 | $1.05 | $1.05 | $1.10 |
| | Teapot | 388 g | - | $1.20 | $1.25 | - | $1.25 | - | - |
| 2 | **Evaporated Milk (Susu Cair)** | | | | | | | | |
| | Cow Bell | 400 g | $1.05 | $1.05 | $1.05 | $1.10 | $1.05 | $1.05 | $1.05 |
| | F&N | 400 g | $1.05 | $1.20 | $1.25 | $1.20 | $1.15 | $1.20 | $1.20 |
| | Ideal | 405 g | $1.45 | $1.45 | $1.59 | - | $1.40 | $1.45 | $1.40 |
| 3 | **Flour (Tepong)** | | | | | | | | |
| | Prima Plain | 1 kg | $2.45 | $2.45 | $2.09 | $2.20 | $2.20 | $2.15 | $2.09 |
| | Green SP Interflour | 1 kg | $1.70 | $1.55 | $1.55 | - | $1.55 | $1.00 | $1.60 |
| 4 | **Butter/Margarine** | | | | | | | | |
| | Golden Churn | 340 g | $4.95 | $4.95 | $4.99 | $5.00 | - | $4.60 | $4.80 |
| | QBB | 454 g | $7.15 | $6.90 | $6.29 | - | $6.20 | $6.30 | $6.50 |
| | Planta Margarine | 480 g | $3.60 | $3.30 | $3.60 | - | $3.50 | $3.50 | $3.40 |
| 5 | **Instant Noodles** | | | | | | | | |
| | Maggi Curry | 80g x 5 | $1.75 | $1.45 | $1.69 | $1.60 | $1.65 | $1.50 | $1.70 |
| | Maggi Ayam | 80g x 5 | $1.75 | $1.75 | $1.69 | $1.70 | $1.65 | $1.50 | $1.70 |
| | Maggi Asam | 80g x 5 | $2.10 | $2.10 | $2.10 | $2.00 | $2.00 | $2.00 | $2.10 |
| | Indo Food Mee Goreng | 80g x 5 | $1.90 | $1.90 | $1.85 | $1.90 | $1.90 | $1.95 | $1.95 |
| | Indo Mie Mee Goreng | 80g x 5 | $1.45 | $1.40 | $1.29 | $1.40 | $1.35 | $1.30 | $1.90 |
| 6 | **Dried Noodles** | | | | | | | | |
| | Falcon & Moon Stick Noodle Tai Thong | 150 g | $0.60 | $0.55 | $0.45 | - | $0.50 | $0.45 | $0.50 |
| | Cap Udang MBS - Medium Flat Sabah | 400 g | $1.90 | $1.90 | $1.70 | $1.80 | $1.70 | $1.70 | $1.70 |
| | Cap Limau Mee Hoon | 400 g | $1.20 | $1.20 | $1.10 | $1.15 | $1.10 | $1.00 | $1.10 |
| | Wai Wai Oriental Style | 400 g | - | $1.75 | $1.30 | $1.20 | $1.00 | $1.30 | - |
| 7 | **Fresh Chicken (Ayam Segar)** | | | | | | | | |
| | Whole Chicken (Bulat) | 1 kg | $4.20 | $4.20 | - | $4.19 | $4.30 | $4.80 | - |
| | Chicken Drumsticks (Peha) | 1 kg | $6.20 | $6.20 | $4.29 | $4.39 | $6.20 | $5.90 | - |
| | Chicken Breasts (Dada) | 1 kg | $3.90 | $3.90 | $3.39 | $3.39 | $4.50 | $3.99 | - |
| | Chicken Wings (Sayap) | 1 kg | $7.90 | $7.90 | $6.99 | $6.70 | $7.80 | $6.90 | - |
| 8 | **Chicken Eggs (Telor Ayam)** | | | | | | | | |
| | 1 Dozen (Size) | 1 doz | $2.10 | $2.10 | - | $2.20 | $2.20 | $2.20 | $2.20 |
| | 1 Tray (30 biji) (Size) | 1 tray | $6.10 | $6.10 | $6.30 | $6.40 | $6.30 | $6.20 | $6.20 |
| 9 | **Onions (Bawang)** | | | | | | | | |
| | Shallot (Bawang Merah) | 1 kg | $1.60 | $1.60 | $1.99 | $1.70 | $1.50 | $2.50 | $1.60 |
| | Garlic (Bawang Putih) | 1 kg | $2.20 | $2.25 | $1.99 | $1.90 | - | $2.50 | $3.00 |
| | Brown Onion (Bawang Besar) | 1 kg | $1.35 | $1.30 | $1.49 | $1.30 | $1.20 | $1.50 | $1.50 |
| 10 | **Cooking Oil (Minyak Masak)** | | | | | | | | |
| | Mazola Corn | 3 kg | $16.10 | $15.45 | $16.95 | $16.50 | $16.80 | - | $17.20 |
| | Naturel Sunflower | 3 kg | $11.80 | $11.80 | $7.80 | $11.00 | - | - | - |
| | Labour | 2 kg | $5.70 | $6.80 | $4.99 | $5.00 | $4.90 | $5.50 | $4.70 |
| | Labour | 5 kg | $12.85 | $12.85 | $11.79 | $12.50 | $9.50 | $9.95 | $9.50 |
| | Seri Murni | 2 kg | $4.10 | $3.99 | $4.30 | $4.20 | $4.20 | - | $3.95 |
| | Seri Murni | 5 kg | $8.95 | $8.90 | $9.20 | - | $8.50 | $8.95 | $8.50 |
| | Sunco | 2 ltr | $4.95 | $5.20 | $4.40 | - | $4.70 | $4.70 | $4.50 |
| | Sunco | 5 ltr | $9.50 | $9.40 | $9.15 | $9.50 | $9.50 | $9.50 | $9.50 |
| | Sania | 2 ltr | $3.85 | $4.25 | $3.95 | - | $4.20 | $3.60 | $3.95 |
| | Sania | 5 ltr | $8.95 | $8.90 | $8.90 | - | $9.30 | $7.50 | $8.45 |
| 11 | **Milo (Malaysia)** | | | | | | | | |
| | Nestle Milo | 1 kg | $8.20 | $8.20 | $7.95 | $7.90 | $7.70 | $7.50 | $7.70 |
| | Nestle Milo | 1.5 kg | $13.15 | $13.20 | $12.79 | $13.00 | $12.80 | - | $12.90 |
| 12 | **Cordial Syrups** | | | | | | | | |
| | F&N Sun Valley Grenadine | 2 lit | $5.00 | $5.00 | $4.60 | $4.60 | $4.45 | $4.80 | $4.50 |
| | F&N Sun Valley Rose | 2 lit | $5.00 | $4.95 | $4.95 | - | $4.45 | $4.80 | $4.50 |
| | F&N Sun Valley Sarsi | 2 lit | $5.00 | $5.00 | $4.60 | - | $4.45 | $4.80 | $4.50 |
| | Ria Kordial Rose | 2 lit | $4.35 | $4.20 | $4.30 | $4.20 | $4.30 | $4.30 | $4.40 |
| | Ria Kordial Sarsi | 2 lit | $4.35 | $4.20 | $4.30 | $4.20 | $4.30 | $4.30 | $4.40 |
| | Rose Brand Rose Syrup Flavour | 750 ml | $3.80 | $3.90 | - | - | $3.60 | - | $3.75 |
| 13 | **Sauces (Sos)** | | | | | | | | |
| | Habhal Salty Soy Sauce (Cap Kipas Udang) | 645 ml | $3.40 | $3.40 | $3.20 | $3.30 | $3.25 | $3.20 | $3.20 |
| | Habhal Sweet Soy Sauce (Cap Kipas Udang) | 645 ml | $3.65 | $3.65 | $3.35 | $3.40 | $3.35 | $3.20 | $3.30 |
| | Maggi Cilli Sauce | 340 gm | $1.20 | $1.10 | $1.09 | - | $1.10 | $1.90 | $1.10 |
| | Maggi Tomato Ketchup | 325 gm | $1.15 | $1.05 | $0.99 | $1.10 | $1.00 | $1.00 | $1.00 |
| | Adabi Oyster Sauce (Sos Tiram) | 510 gm | $2.30 | $2.30 | $1.99 | $2.00 | $2.10 | $2.20 | $2.30 |
| | Nona Oyster Sauce (Sos Tiram) | 510 gm | $1.80 | $1.90 | $1.75 | $1.80 | $2.10 | - | $2.00 |

| No. | DESCRIPTION | WEIGHT | HUA HO (TG BUNUT) | HUA HO (YAYASAN) | SIM KIM HUAT (KIULAP) | SIM KIM HUAT (TUTONG) | TEGUH RAYA | ORBIT SUPERMARKET | DE RIMBA |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 14 | **Mayonnaise** | | | | | | | | |
| | Real Mayonnaise (Lady's Choice) | 230 ml | $2.70 | $2.80 | $2.60 | $2.70 | $2.45 | $2.50 | $2.40 |
| | Real Mayonnaise (Lady's Choice) | 470 ml | $4.55 | $4.50 | $4.15 | $4.20 | $4.80 | $4.50 | $4.20 |
| 15 | **Infant Diapers** | | | | | | | | |
| | Drypers - Wee Wee Dry Newborn (Up t0 5 kg) | NB 28 | $7.15 | - | $7.50 | $7.30 | $7.20 | $7.50 | $7.40 |
| | Drypers Small (3-7 kg) | S 32 | $7.15 | - | $7.50 | $7.30 | $7.20 | $7.50 | $7.40 |
| | Drypers Medium (6-11 kg) | M 28 | $7.15 | - | $7.50 | $7.30 | $7.20 | - | $7.40 |
| | Drypers Large (9-14 kg) | L 48 | $12.70 | $13.60 | $12.85 | - | - | - | $12.40 |
| | Drypers Extra Large (12-17 kg) | XL 40 | $12.70 | $13.60 | $12.85 | - | - | - | $12.40 |
| | Drypers Extra-Extra Large (15 kg above) | XXL 16 | $7.15 | - | $7.50 | $7.30 | $7.20 | - | $12.40 |
| | Mamy Poko - Newborn (Up t0 5 kg) | NB 28+2 | $8.90 | - | - | $10.50 | $12.20 | $8.80 | $15.60 |
| | Mamy Poko Small (3-8 kg) | S 48+2 | $16.95 | $16.80 | - | $16.30 | - | $14.90 | $15.60 |
| | Mamy Poko Medium (6-11 kg) | M 44 | $16.95 | $16.80 | - | $16.30 | $15.90 | $14.90 | $15.60 |
| | Mamy Poko Large (9-14 kg) | L 56 | $16.95 | - | - | - | - | - | $15.60 |
| | Mamy Poko Extra Large (12-17 kg) | XL 50 | $16.95 | - | - | - | - | - | - |
| | Mamy Poko Extra-Extra Large (15 kg above) | XXL 28 | $16.95 | $16.80 | - | $16.30 | $16.50 | $15.90 | $15.60 |
| | Sealer Newborn (Up t0 5 kg) | NB 48 | $8.80 | $8.80 | $8.80 | $8.40 | - | $8.80 | - |
| | Sealer Small (3-7 kg) | S 46 | - | - | - | - | - | - | - |
| | Sealer Medium (6-11 kg) | M 42 | $12.70 | $13.20 | - | - | - | - | - |
| | Sealer Large (9-14 kg) | L 48 | $12.70 | - | - | - | $14.90 | - | - |
| | Sealer Extra Large (12 kg above) | XL 42 | $12.90 | $14.80 | $15.20 | - | $14.90 | - | - |
| | Sealer Sumo Extra Large ( 15kg above) | XXL 28 | $11.10 | $11.50 | $11.80 | $11.50 | $11.50 | $11.50 | $11.50 |
| | EQ Dry- Newborn (Up t0 5 kg) | NB 20/22 | - | - | $3.80 | - | $3.80 | $3.80 | $3.80 |
| | EQ Dry Small (3-7 kg) | S 40 | $7.80 | $7.80 | $7.50 | $7.10 | $7.20 | $7.20 | $7.50 |
| | EQ Dry Medium (6-11 kg) | M 36 | $7.80 | $7.80 | $7.50 | $7.10 | $7.20 | $7.20 | $7.50 |
| | EQ Dry Large (9-14 kg) | L 48 | $10.40 | $10.55 | $10.95 | $10.60 | $10.50 | $10.90 | $11.00 |
| | EQ Dry Extra Large (12-17 kg) | XL 42 | $10.40 | $10.55 | $10.95 | $10.60 | $10.50 | $10.90 | $11.00 |
| | EQ Dry Extra-Extra Large (15 kg above) | XXL 24 | $9.00 | $9.00 | $8.70 | $8.80 | $8.90 | $8.80 | $8.80 |
| 16 | **Frozen** | | | | | | | | |
| | BMC - Chicken Frankfurters | 340 g | $1.99 | $1.99 | $1.89 | $2.00 | $2.00 | $2.10 | $2.40 |
| | Ayamas - Chicken Frankfurters | 340 g | $2.45 | $2.45 | $2.35 | $2.35 | $2.40 | $2.90 | $2.45 |
| | BIFFI Chicken Frankfurters | 340 g | - | $1.50 | $1.25 | $1.35 | $1.40 | $1.40 | - |
| | BMC - Nuggets | 1 kg | $5.80 | $5.80 | $5.95 | $6.30 | $6.80 | $6.50 | $6.95 |
| | Ayamas - Crispy Nuggets | 1 kg | $8.65 | $8.80 | - | $7.95 | $8.50 | $8.50 | $8.50 |
| | FARM'S Best Chicken Nuggets | 1 kg | $5.40 | $5.40 | - | $5.20 | $5.60 | - | - |
| | BMC - Chicken Burger | 900 g | $7.30 | $7.30 | $6.25 | $6.40 | $6.80 | $6.90 | $6.90 |
| | PDS - Chicken Burger | 900 g | - | - | - | - | - | - | - |
| | BMC - Beef Burger | 900 g | $6.95 | $6.95 | $6.25 | $6.30 | $6.50 | $6.50 | $6.60 |
| | PDS - Beef Burger | 900 g | $7.20 | $7.20 | $6.30 | - | - | $6.90 | $6.90 |
| 17 | **Canned Preserved Food** | | | | | | | | |
| | Yeo's Chicken Curry | 145 g | $1.50 | $1.55 | $1.50 | $1.40 | $1.45 | $1.60 | $1.50 |
| | Rex Chicken Curry | 160 g | $1.50 | $1.50 | $1.50 | $1.30 | $1.40 | $1.60 | $1.80 |
| | Ayam Brand Sardine In Tomato Sauce Tall | 230 g | $2.30 | $2.30 | $1.95 | $2.10 | $2.10 | $2.30 | $2.20 |
| | Ayam Brand Sardine In Tomato Sauce Oval | 215 g | $2.35 | $2.35 | $1.99 | $2.10 | $2.10 | $2.10 | $2.15 |
| | Smiling Fish Fried Baby Clam with Chili | 40 g | $1.05 | $1.10 | $1.05 | $1.10 | $1.00 | $1.15 | $1.15 |
| | Smiling Fish Crispy Baby Clam | 30 g | $1.15 | $1.05 | $1.00 | $1.10 | $1.15 | $1.20 | $1.05 |
| | Kara Natural Coconut Extract | 200 ml | $1.10 | $1.10 | - | - | - | $1.00 | $1.00 |
| | Ayam Brand Coconut Milk Blue Packet | 200 ml | $1.10 | $1.10 | - | - | $1.10 | $1.10 | - |
| | Ayam Brand Coconut Milk Blue Tin | 270 ml | $1.85 | $2.30 | $1.70 | $1.80 | $1.65 | $1.75 | $1.75 |
| | Chakoah Coconut Milk Gata | 400 ml | $1.70 | $1.89 | $1.49 | $1.60 | $1.45 | $1.29 | $1.35 |
| | Babu Kitchen Coconut Milk Indo | 400 ml | $1.70 | $1.70 | $1.49 | $1.60 | $1.55 | $1.55 | $1.60 |
| 18 | **Kaya Spread** | | | | | | | | |
| | Habhal's Cap Kipas Udang Sri Kaya | 240 g | $1.95 | $2.10 | $1.99 | $2.00 | $1.95 | $2.00 | $2.10 |
| | Nona Kaya dengan telur Omega | 180 g | $1.20 | $1.25 | $1.20 | $1.30 | $1.15 | $1.30 | $1.30 |
| | Play Basketball since 1965 S'pore | 200 g | $0.95 | $0.95 | - | - | - | - | $0.95 |
| | Glory Nyonya Kaya Coconut Jam | 250 g | $1.85 | $1.70 | - | - | - | - | - |
| 19 | **Detergents** | | | | | | | | |
| | Ekonomi Handalan Putih Kekal Baru | 2.5 kg | $5.10 | $4.85 | - | $5.00 | $4.30 | $4.99 | $5.10 |
| | DAIA Excellent Washing Powder | 2.5 kg | $6.15 | $6.50 | $6.50 | $5.90 | $5.90 | $6.50 | $6.30 |
| | Dynamo Liquid Detergent | 1 kg | $3.50 | $3.80 | $3.70 | - | $3.65 | $3.70 | $3.70 |
| | Breeze Liquid Detergent | 2000 ml | $5.80 | $5.70 | $5.90 | - | $5.80 | $5.95 | $5.40 |
| | Clorox Liquid Bleach | 1 lit | $1.90 | $1.90 | $1.80 | $1.80 | $1.80 | $1.60 | $1.90 |
| | Cocorex Liquid Bleach | 1 lit | $1.60 | $1.60 | $1.70 | $1.70 | $1.50 | $1.70 | $1.70 |

*Harga barang tertakluk kepada stok

*Untuk maklumat lanjut sila layari laman web www.depd.gov.bn*




# كداتغن بولن رمضان دان مغيبركن بنديرا نكارا

واهي قوم مسلمين يغ درحمتي الله،

ماريله كيت منيغكتكن كتقوان كيت كڤد الله سبحانه وتعالى دغن ڤنوه كيقينن دان كإخلاصن دغن ملاكوكن سكل سوروهنن دان منيغكلكن سكل لاراغنن. مدهمداهن كيت منجادي إنسان يغ برتقوى دان برإيمان سرت سلامة ددنيا دان سلامة دآخرة.

مسلمين يغ درحمتي الله،

كيني كيت تله براد دڤغهوجوغ بولن شعبان، اين برمعنا تيدق لام لاڬي كيت اكن مماسوقي بولن رمضان يغ دنتي٢كن اوله سلورووه اومة إسلام. سسغڬوهن بولن رمضان اداله بولن يغ ڤنوه كبركتن، رحمة دان كامڤونن دري الله سبحانه وتعالى، بولن يغ دبوككن ڤينتو٢ شرڬ، دتوتوف ڤينتو٢ نراك دان شيطان٢ دبلڠڬو. ڤد بولن اينله اومة إسلام دواجبكن برڤواس سباڬيمان ڤرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة البقرة اية ١٨٣:

تفسيرن:

**واهي اورڠ٢ يڠ برإيمان، دواجبكن أتس كامو برڤواس سباڬيمان دواجبكن أتس اورڠ٢ يڠ سبلوم كامو سوڤاي كامو برتقوى.**

سسغڬوهن ڤواس دان عمل عباده يغ دكرجاكن دبولن رمضان تله دجنجيكن دڠن ڬنجارن يڠ برليڤة ڬندا اوله الله سبحانه وتعالى. اوله ايت، ربوتله ڤلواڠ ترسبوت دڠن ملقسناكن كواجڤن برڤواس دڠن سمڤرنا دان ڤربايقكنله عمل عباده دبولن رمضان سڤرت ممباچ القرءان، برصدقه، مڠلواركن زكاة، برصلوات، برذكر، براستغفار، منونيكن سمبهيڠ٢ سنة ترأوتامن سمبهيڠ سنة تراويح دان سنة وتر، قيام الليل دان سباڬين. باڬي سمبهيڠ سنة تراويح دان سنة وتر، بوله دلاكوكن سچارا برجماعه اتو برسنديرين سماد دروماه اتاوڤون دمسجد. نامون حك برسمبهيڠ دمسجد، لبه بايق منفعة يڠ بوله دڤراوليهي سڤرت داڤة مممعموركن مسجد، منداڤة ڤهلا إعتكاف، داڤة ملقسناكن عباده دڠن لبه خشوع دان سچارا تيدق لڠسوڠ داڤة منجالين أخوّه برسام ڤارا جماعه يڠ لاين. اوله ايت، أجقله انق٢ دان أهل كلوارڬ كمسجد اونتوق مڠرجاكن سمبهيڠ سچارا برجماعه سماد سمبهيڠ فرض ماهوڤون سمبهيڠ سنة تراويح دان وتر. كيت جوڬ برهارڤ سموڬ كرامين جماعه برسمبهيڠ سنة تراويح دان وتر دمسجد٢ اكن سنتياس سماكين برتمبه دان ككل رامي دري أول رمضان هيڠڬ أخير بولن رمضان.

والوباڬيمان ڤون، دالم كڬيرهن مربوت ڬنجارن ڤهلا عمالن٢ سنة دبولن رمضان، جاڠنله ڤول كيت مڠأبايكن عباده يڠ واجب ترأوتام سمبهيڠ فرض ليم وقت.

مسلمين يڠ درحمتي الله،

دالم مڠرجاكن عباده ڤواس، ترداڤة بايق عمالن يڠ سنة اونتوق كيت لاكوكن أنتاران إياله برسحور. كيت جوڬ دسنتكن اونتوق ملمبتكن سحور ايت سهيڠڬ همڤير وقت ڤجر ياءيت كيرا٢ ڤد قدر ممباچ ليم ڤولوه اية اتو انم ڤولوه اية سبلوم فجر. نامون ترداڤة سكليڠتير اومة إسلام يڠ اڠڬڤ برسحور دڠن الاسن مڠنتوق دان سوكر اونتوق باڠون ترلالو اول. ترداڤة جوڬ اورڠيڠ هاڽ برسماڠة اونتوق برسحور ڤد اول بولن رمضان سهاج، تتاڤي مراس مالس اونتوق برسحور ڤد أخير٢ بولن رمضان. كتهويله بهوا ترداڤة كبركتن دسباليق عمالن برسحور ايت سباڬيمان دسبوتكن دالم سبواه حديث رسول الله صلى الله عليه وسلم تله برسبدا:

عَنْ أَبِي سَعِيدِ الْخُدْرِي رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: اَلسَّحُورُ أَكْلُهُ بَرَكَةٌ فَلَا تَدَعُوهُ وَلَوْ أَنْ يَجْرَعَ أَحَدُكُمْ جُرْعَةً مِنْ مَاءٍ فَإِنَّ اللهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى الْمُتَسَحِّرِينَ.

{ رواه الإمام أحمد }

مقصودڽ:

**دري أبي سعيد الخُدري رضي الله عنه، تله برسبدا رسول الله صلى الله عليه وسلم: ماكن سحور ايت بركة، اوله سبب ايت جاڠن كامو منيڠڬلكنڽ والوڤون ساله سأورڠ درڤد كامو هاڽ منڬوق سڬوق اير. مك سسڠڬوهڽ الله دان ملائكتڽ برصلوات كأتس اورڠ٢ يڠ برسحور.**

دري حديث ترسبوت جلس مڽاتكن بهوا برسحور ايت تيدق سمستيڽ مماكن سسواتو هيڠڬ مڠڽڠكن، تتاڤي سوده ممداءي دڠن هاڽ مينوم اير سهاج. بهكن ترداڤة بايق لاڬي كلبيهن يڠ ترداڤة دري عمالن برسحور ايت، أنتاراڽ إياله برسحور مروڤاكن سنه رسول الله صلى الله عليه وسلم دان جوڬ مروڤاكن عمالن يڠ ممبيذاكن أنتارا ڤواس اورڠ إسلام دڠن ڤواس قوم لاين. عمالن برسحور بوكن سهاج داڤة ممبريكن كيت كقوأتن اونتوق برعبادة بهكن جوڬ داڤة ممبري كچرڬسن دان تناڬ كڤد كيت اونتوق ملاكوكن ڤلباڬاي أكتيبيتي هارين دان سكاليڬوس داڤة مڠورڠكن راس لاڤر دان دهاڬ سماس برڤواس دسياڠ هاري. سلاين ايت، عمالن برسحور جوڬ اكن منداڤة ڬنجارن ڤهلا دري الله سبحانه وتعالى. مالهن ستله برسحور، كيت اكن داڤتي بهوا كيت اكن منجادي لبه برتناڬ دان سكاليڬوس داڤة ممبري كيت ڤلواڠ اونتوق ممڤايقكن عمل عبادة كڤد الله سبحانه وتعالى سڤرت ممباچ القرءان، برذكر، برصلوات دان سباڬين.

اڤبيل تيبا وقت برسوڠكي ڤول، سنة مڽڬراكن برسوڠكي ياءيت ستله منڠر أذان مغرب دلاوڠكن. منكالا سڠهاج ملمبت٢كن برسوڠكي ڤول حكومڽ اداله مكروه.

سنة مولاكن سوڠكي دڠن بواه رُطَب ياءيت كورما يڠ تله ماسق سبلوم منجادي تمر ياءيت كورما يڠ تله كريڠ. سكيراڽ تياد بواه رُطَب، مك بولهله برسوڠكي دڠن بواه تمر. اداله لبه سمڤرنا جك برسوڠكي دڠن تيك بيجي تمر. جك تياد جوڬ بواه تمر، برسوڠكي له دڠن بيراڤ تڬوق اير. ستله برسوڠكي، اد بايكڽ كيت مڽڬراكن سمبهيڠ مغرب سباڬيمان يڠ دعملكن اوله بڬندا رسول الله صلى الله عليه وسلم.

جاڠنله دسببكن ليكا منعماتي جواده برسوڠكي، مڽببكن كيت لالي منونيكن سمبهيڠ فرض مغرب هيڠڬ لوڤوت وقتڽ لبه٢ لاڬي باڬي اورڠيڠ برسوڠكي دلوار روماه سڤرت دكداي٢ ماكن، ريستورن دان سباڬين. ڤرلو دايڠة، بربوك ڤواس هندقله سچارا سدرهان ياءيت تيدق برلبيهن هيڠڬ ترلالو ككڽڠن يڠ بوله مڽوكركن كيت اونتوق مڠرجاكن عباده سمبهيڠ. ڤرلو دايڠة جوڬ دالم ڤڽدياءن جواده اونتوق برسوڠكي بيارله سچارا سدرهان، كران جواده يڠ دسدياكن يڠ تيدق هابيس دماكن اكن مڽببكن ڤمبذيرن. سسڠڬوهڽ ڤربواتن ممبذير اداله دلاراڠ اوله الله سبحانه وتعالى دان داومڤامكن سباڬاي سودارا شيطان. ڤرلو داڠيل ڤرهاتين جوڬ بهوا باڬي منجامين كصيحاتن يڠ بايك سڤنجڠ كيت برڤواس دبولن رمضان اين، كيت هندقله ممستيكن مكانن يڠ كيت ماكن ايت حلال، بايك دان برخصية.

مسلمين يڠ درحمتي الله،

دالم بولن رمضان ڤد تاهون اين جوڬ كيت اكن مڽمبوت هاري كڤتراءن كباوه دولي يڠ مها مليا ڤادوك سري بڬندا سلطان دان يڠ دڤرتوان نكارا بروني دارالسلام كـ ٦٧ تاهون.

سباڬيمان كلازيمنڽ اڤبيل ساج منجلڠ سمبوتن ترسبوت، مك سلورووه رعية نكارا اين داڤرهكن مڠيبركن بنديرا نكارا سباڬاي تندا ممڤسركن دان مرايكن سمبوتن بركتاءن دان لبه بسر لاڬي سباڬاي تندا طاعة ستيا كڤد راج دان نكارا.

مسلمين يڠ درحمتي الله،

ستيڤ نكارا ددنيا اين ممڤوڽاءي بنديرا ماسيڠ٢ دڠن إيدينتيتيڽ يڠ ترسنديري كران بنديرا مروڤاكن سيمبول اتو لمبڠ سسبواه نكارا، كدولتن ڤمرينته دان بڠساڽ. بنديرا جوڬ مروڤاكن سباڬاي ساله ساتو تندا جيتا كيت كڤد نكارا. نكارا كيت جوڬ ممڤوڽاءي بنديرا كبڠساءن سنديري يڠ ترداڤة ڤنجي٢ نكارا يڠترترا ڤركتاءن بهاس عرب يڠ بربوڽي:

اَلـدَّآئِــمُونَ الْمُحْسِنُونَ بِالْهُدَى

أرتيڽ:

**سنتياس ممبوات كبجيقن اتو كبايكن دڠن ڤتنجوق الله.**

كات٢ يڠ ترمكتوب ڤد ڤنجي٢ ترسبوت مڠندوڠي معنا ياءيت سنتياس برخدمة، بربقتي، برجاس كڤد أڬام دان نكارا دڠن بيمبيڠن سرت ڤتنجوق الله سبحانه وتعالى. كات٢ اين أمة ريلڤن دجاديكن سباڬاي كونسيڤ هيدوڤ دالم بركلوارڬ، برمشاركة دان برنكارا. كات٢ اين جوڬ برسسواين دڠن ڤلسڤه نكارا ياءيت " ملايو إسلام براج " سرت منڤاتي سباڬيمان دكهندقي اوله أجارن أڬام إسلام.

فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة البقرة اية ١٢٠:

تفسيرڽ:

**كاتكنله كڤد مريك سسڠڬوهڽ ڤتنجوق الله ( أڬام إسلام ) ايتله ڤتنجوق يڠ بنر.**

مك برسمڤنا دڠن سمبوتن ڤراياءن أولڠتاهون هاري كڤتراءن كباوه دولي يڠ مها مليا ڤادوك سري بڬندا سلطان دان يڠ دڤرتوان نكارا بروني دارالسلام يڠ كـ ٦٧ تاهون ڤد ١٥ جولاي ٢٠١٣، ماريله كيت سلاكو رعية دان ڤندودوق دنكارا اين سام٢ مڠيبركن بنديرا يڠ برمولا ڤد ١ جولاي سهيڠڬ ٣٠ سڤتيمبر ٢٠١٣ سباڬاي تندا كطاعتن دان كستياءن كيت كڤد راج دان نكارا. ڤرلو كيت أمبيل ڤرهاتين بنديرا يڠ دكيبركن ايت هندقله دجاڬ كسمڤرناءنڽ، جاڠن سمڤاي بنديرا ترسبوت اد يڠ كويق دان ڤودر ورناڽ. جاڠنله جامه مات جك ترڠمڤق بنديرا نكارا يڠ ترجيجير، بنديرا ترسبوت هندقله دسلامتكن، جاڠن دبياركن مرتبة بنديرا ايت ترجمر.

أخيرڽ سام٢له كيت بردعاء سموڬ راج، رعية دان نكارا كيت سنتياس منداڤة بركة دان رحمة الله سبحانه وتعالى، آمين يا رب العالمين.

{ سورة النساء اية: ٥٩ }

تفسيرڽ:

**واهي اورڠ٢ يڠ برإيمان! طاعتله كامو كڤد الله دان طاعتله كامو كڤد رسول دان كڤد أولي الأمر ( اورڠ٢ يڠ بركواس ) دري كالڠن كامو. كمدين جك كامو بربنته٢ برسليسيهن دالم سسوات ڤركارا، مك هندقله كامو مڠمباليكن كڤد كتاب الله ( القرءان ) دان سنه رسولڽ جك كامو بنر٢ برإيمان كڤد الله دان هاري أخرة. يڠ دمكين اداله لبه بايك باڬي كامو دان لبه إيلوق ڤول كسوداهنڽ.**

# Berbuka puasa dengan kurma kurnia peribadi Kebawah DYMM

**Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar**
**Foto : Jabatan Penerangan**

SETIAP menjelang bulan Ramadan Al-Mubarak, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bermurah hati mengurniakan buah-buah kurma kurnia peribadi baginda kepada seluruh umat Islam yang bermastautin di negara ini.

Hasrat murni baginda adalah agar setiap umat Islam di negara ini tanpa mengira had umur dan tahap kerakyatan dapat menikmati buah kurma kurnia peribadi baginda itu sebagai juadah berbuka puasa.

Pengurniaan kurma kurnia peribadi baginda yang disalurkan melalui Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) itu merupakan salah satu amal jariah baginda sejak 20 tahun lalu.

Di samping itu ia juga menunjukkan rasa kasih dan pemedulian baginda terhadap kesejahteraan umat Islam di negara ini.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB, selaku wakil peribadi baginda telah berkenan berangkat menyempurnakan Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 19 Jun yang baru lalu di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Pada majlis tersebut, Yang Teramat Mulia antara lain bersabda, bulan Ramadan bukanlah sekadar bulan *ruhiyah* bagi mereka yang tekun menghayatinya tetapi ia sebenarnya bulan untuk menunjukkan keyakinan kita bahawa formula untuk menyelamatkan agama, bangsa dan negara akan hanya dapat dicapai apabila seluruh umat Islam di negara ini berpegang teguh kepada Al-Qur'an dan sunnah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sabda YTM, itulah asas bagi memastikan kelangsungan hidup beragama, terus terbela dan terpelihara, manakala kekuatan umat Islam sebagai ummah terus terjamin, yang mana antara mekanisme untuk membina kekuatan ummah ialah melalui konsep tolong-menolong dalam perkara kebajikan, kebaikan dan takwa seperti mana termaktub dalam Surah Al Maa-idah, ayat 2.

YTM seterusnya merasa amat gembira mengetahui konsep tolong-menolong memang diamalkan oleh pihak-pihak yang telah diamanahkan untuk melaksanakan pengagihan kurma kurnia peribadi baginda itu.

"Perkara ini perlulah dikekalkan serta ditingkatkan dengan menambah lagi penglibatan dari kalangan ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di seluruh negara," sabda YTM pada majlis yang berlangsung di Dewan Canselor, UBD, di sini.

Menerusi konsep itu, YTM yakin bahawa tugas dan tanggungjawab yang dipikul oleh penghulu-penghulu mukim serta ketua-ketua kampung sebagai pemimpin akar umbi akan menjadi lebih ringan dan membuahkan hasil seperti mana jua yang dihasratkan oleh baginda di mana kurma-kurma kurnia itu, insya-Allah akan dapat dinikmati sebagai juadah berbuka puasa oleh semua golongan rakyat dan penduduk Islam di negara ini.

"Janganlah terdapat kejadian di mana ada umat Islam di negara ini yang tidak menerima buah kurma kurnia peribadi Paduka Ayahanda itu. Jika ini terjadi, bermakna kita telah gagal menunaikan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada kita semua dalam pengagihan buah kurma tersebut. Dalam hal ini, ada baiknya pihak YSHHB memantau perkara ini dengan berkesan bagi memastikan perkara tersebut tidak berlaku," sabda YTM.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB, selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena bulan Ramadan 1434H / 2013M kepada seorang penerima.

Sehubungan itu, YTM menyarankan agar pihak YSHHB mengkaji semula cara-cara pengagihan yang berjalan pada masa ini dan melihatkan secara holistik bagi membolehkan ianya diperbaiki dan diperkemaskinikan lagi mengikut keperluan semasa dan perubahan persekitaran.

Dalam sabda YTM juga mengingatkan bahawa tidak lama lagi umat Islam di seluruh dunia dan di Negara Brunei Darussalam akan menyambut kedatangan bulan Ramadhan Al Mubarak yang menjanjikan seribu macam keistimewaan dengan penuh kegembiraan dan keinsafan.

Justeru umat Islam di negara ini sabda YTM, perlu mengisikan bulan istimewa ini dengan meningkatkan ketaqwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan memperbanyakkan amalan-amalan yang berkebajikkan semata-mata untuk mendapat keredaan dan keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Buah kurma mengandungi pelbagai khasiat pemakanan termasuk protein, serat, gula dan vitamin serta zat mineral di samping itu juga, ia baik dijadikan pembasuh mulut selepas makan dan pengganti kepada makanan ringan yang mengandungi kabohidrat, garam, lemak dan gula berlebihan yang boleh menimbulkan pelbagai penyakit.

Bagi setiap individu yang mementingkan kesihatan, buah kurma adalah amat sesuai dijadikan sebagai salah satu makanan harian mereka khususnya di waktu pagi sebelum memulakan sebarang tugas harian dan salah satu juadah atau hidangan yang disunatkan untuk berbuka puasa.

Dalam majlis itu YTM telah berkenan menyerahkan buah kurma kepada Pemerintah-Pemerintah, Komandan-komandan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pengarah-pengarah Pasukan Polis Diraja Brunei, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung di seluruh negara.

Setiap umat Islam yang menetap di negara ini tanpa mengira had umur dan tahap kerakyatan akan menerima kurnia buah kurma setiap seorang satu kotak kecil kurma yang mengandungi 300 gram.

Sejumlah 151.5 tan metrik buah kurma jenis 'Safawi' akan diagih-agihkan kepada seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam di Negara Brunei Darussalam menjelang bulan Ramadan ini.

Tahun ini jumlah buah kurma yang dibekalkan meningkat sebanyak 3.5 tan metrik berbanding tahun lepas bagi menampung jumlah penduduk Islam yang semakin bertambah yang mana sifir pembahagian adalah sekotak (300 gram) seorang tanpa mengira umur.

Kebanyakan pokok kurma tumbuh di negara-negara Arab dan mempunyai pelbagai jenis. Antara kurma yang terkenal ialah kurma Mekkah dan Madinah yang dikatakan mempunyai berpuluh-puluh jenis.

Dalam kalangan penduduk di negara-negara Arab kurma adalah makanan utama mereka, malah dalam kalangan orang kita juga kurma sudah menjadi bahan makanan yang digemari ramai.

Selain rasanya yang manis dan tahan lama serta tidak perlu dimasak, kurma juga mempunyai khasiat yang banyak dan menjadi makanan utama Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Apa yang diharapkan kepada semua pihak yang dipertanggungjawabkan untuk mengagih-agihkan buah kurma kurnia peribadi baginda itu agar menggunakan kebijaksanaan mereka masing-masing supaya ia dapat diterima dengan baik dan sempurna serta seterusnya dinikmati oleh setiap orang yang beragama Islam di negara ini.



MASYARAKAT di negara ini mengamalkan berbuka puasa *(sungkai)* dengan memulakan memakan buah kurma.



KURMA jenis 'Safawi' akan diagih-agihkan kepada seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam di Negara Brunei Darussalam menjelang bulan Ramadan ini

# Majlis Istiadat Bersanding penuh adat istiadat



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab.Rahaman dan kerabat diraja yang lain berkenan berangkat ke Majlis Istiadat Bersanding Yang Amat Mulia Tengku Amalin A'ishah Puteri binti Sultan Ismail Petra dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Qawi ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.



YANG Amat Mulia Tengku Amalin A'ishah Putri binti Sultan Ismail Petra dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Qawi ibni DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah berkenan memotong kek persandingan, sejurus Majlis Santap berlangsung.

**Oleh : Abdullah Asgar**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Pg. Amirul Nizam bin Pg.Hj Mohd.Ali**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 6 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke Majlis Istiadat Bersanding Yang Amat Mulia Tengku Amalin A'ishah Putri binti Sultan Ismail Petra dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Qawi ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

Majlis yang penuh adat istiadat diraja itu berlangsung malam ini di Balai Penghadapan Bukit Kayangan, di sini.

Berangkat sama di istiadat tersebut ialah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Petra ibni Al-Marhum Sultan Yahya Petra dan Yang Maha Mulia Raja Perempuan Tengku Anis binti Al-Marhum Abdul Hamid, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putera Jamalullail, Raja Perlis dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Fauziah binti Al-Marhum Tengku Abdul Rashid, Raja Perempuan Perlis.

Juga berangkat Yang Teramat Mulia Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra ibni Sultan Ismail Petra, Tengku Mahkota Kelantan.

Berangkat sama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam.

Juga berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Norhayati binti Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abdul Rahman.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Rakiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Nasibah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Jefriah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani serta kerabat diraja yang lain.

Juga berangkat ialah kerabat diraja Kelantan, Pahang, Perlis, Perak dan Selangor.

Majlis Istiadat Bersanding bermula dengan wakil-wakil rombongan menjunjung anugeraha mengikut giliran masing-masing menuju ke bilik pengangunan untuk menjunjung Yang Amat Mulia Tengku Amalin A'ishah Putri dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Qawi.

Setelah itu Yang Amat Mulia Tengku Amalin A'ishah Putri dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Qawi berangkat ke Pentas Pelamin di Bilik Singgahsana, Balai Penghadapan Bukit Kayangan diiringi oleh wakil-wakil rombongan.

Majlis Istiadat Bersanding bermula dengan bacaan doa selamat oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Kemudian Yang Amat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muqtadir mengiringi Yang Amat Mulia Tengku Amalin A'ishah Putri dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Qawi bagi junjung ziarah dengan kerabat-kerabat diraja.

Setelah itu, Majlis Istiadat Bersanding diteruskan dengan Majlis Santap di Dewan Santap.







MAJLIS Istiadat Bersanding berlangsung dengan penuh istiadat (kanan atas). Sementara gambar kanan rombongan kerabat diraja dari Malaysia iaitu dari Negeri Kelantan, Perlis, Selangor, Pahang dan Perak berangkat menyerikan suasana Majlis Istiadat Bersanding. Manakala gambar atas YAM Tengku Amalin A'ishah Putri dan YAM Pengiran Muda 'Abdul Qawi berangkat ke Balai Penghadapan Bukit Kayangan bagi Majlis Istiadat Bersanding.

## Majlis Istiadat Doa Kesyukuran sempena Majlis Persandingan

**Oleh : Saerah Haji Abd Ghani**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 7 Julai. - Majlis Istiadat Doa Kesyukuran sempena persandingan anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Yang Amat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Qawi dan Yang Amat Mulia Tengku Amalin A'ishah Putri binti Sultan Ismail Petra berlangsung di Balai Penghadapan Bukit Kayangan di sini.

Majlis bermula dengan bacaan Dikir yang diketuai oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz yang juga membaca Doa Dikir.

Bagi memberkati majlis, bacaan Doa Kesyukuran dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar.

Setelah itu Majlis Istiadat Doa Kesyukuran diteruskan dengan Majlis Santap di Dewan Santap.

Antara yang hadir, Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-Pengiran Peranakan, Pehin-Pehin Menteri, Duta-Duta Besar, Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Tinggi dan Setiausaha-setiausaha Tetap.

Juga hadir ialah rombongan pihak keluarga diraja Kelantan.



MAJLIS Istiadat Doa Kesyukuran sempena Majlis Persandingan berlangsung di Balai Penghadapan Bukit Kayangan.

## Kerabat Diraja Malaysia berangkat ke Kampung Ayer

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 6 Julai. - Kerabat Diraja Malaysia, Yang Maha Mulia Raja Perempuan Tengku Anis binti Al-Marhum Tengku Abdul Hamid berserta rombongan berangkat menyusur Sungai Brunei, melawat Galeri Pelancongan dan Kebudayaan Kampung Ayer dan singgah ke rumah Ketua Kampung Lorong Sikuna.

Berangkat menyertai lawatan tersebut ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Nasibah binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Ketibaan Kerabat Diraja Malaysia dan rombongan di Jeti Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Turut hadir bagi menjunjung ketibaan Kerabat Diraja Malaysia ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Semasa berada di Galeri Pelancongan dan Kebudayaan Kampung Ayer, rombongan kerabat diraja tersebut mendengar sembah taklimat mengenai pameran di galeri berkenaan yang disembahkan oleh wakil daripada Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Galeri tersebut mempamerkan kegemilangan Kampung Ayer di masa silam sebagai pusat kerajaan dan pentadbiran negara, pusat perdagangan, kebudayaan dan kemahiran pertukangan tangan orang-orang Brunei.

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**





YANG Maha Mulia Raja Perempuan Tengku Anis binti Al-Marhum Tengku Abdul Hamid beserta rombongan berangkat menyusur Kampung Ayer, dan singgah ke rumah Ketua Kampong Lorong Sikuna. Berangkat menyertai lawatan YTM Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam dan kerabat diraja yang lain.

## KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 38 (a) DARIPADA PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN (LANTIKAN-LANTIKAN DAN KENAIKAN PANGKAT), AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM**

**IKLAN MENURUT PERATURAN 38 (a) IAITU KHUSUS BAGI PEMOHON DARI KALANGAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT DI PERKIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROFESOR / PROFESOR MADYA**
UB.5 ($5,900 SEBULAN)
UB.4 ($5,400 SEBULAN)
KEKOSONGAN = TIGA (3), IAITU:-
1. FAKULTI PENDIDIKAN
2. PUSAT ILMU TERAS
3. FAKULTI SYARIAH

**SYARAT-SYARAT KELAYAKAN :**

a) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

b) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara,Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.

**c) PROFESOR**

i) Mempunyai Ijazah Sarjana atau PhD atau yang sebanding dalam bidang bersesuaian (Pengukuran dan Penilaian /Pengurusan dan Pentadbiran/Kurikulum/Pedagogi/Falsafah Pendidikan/Falsafah / Kitab Turath / Syariah) dari Universiti / Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

ii) Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tujuh (7) tahun sebagai Profesor Madya atau pengalaman professional dalam bidang yang relevan.

iii) Mempunyai rekod pengajaran dan penyelidikan yang cemerlang dalam bidang atau kepakarannya dan telah menujukkan bukti yang sangat baik sebagai seorang cendikiawan dan diakui oleh dunia akademik.

iv) Mempunyai pengalaman pentadbiran dan kebolehan untuk memberi kepimpinan akademik.

**d) PROFESOR MADYA**

i) Mempunyai Ijazah Sarjana atau PhD atau yang sebanding dalam bidang yang bersesuaian (Pengukuran dan Penilaian /Pengurusan dan Pentadbiran/Kurikulum/Pedagogi/Falsafah Pendidikan/Kitab Turath/Syariah) dari Universiti / Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

ii) Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lima (5) tahun sebagai Pensyarah Kanan Universiti atau pengalaman dalam bidang yang relevan; dan

iii) Mempunyai rekod pengalaman pengajaran, penyelidikan serta pentadbiran yang terbukti.

iv) Pegawai yang sedang berkhidmat hendaklah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap SANGAT BAIK sekurang-kurangnya bagi tempoh 3 tahun kebelakangan. Mereka yang mempunyai Lporan Penilaian Prestasi di tahap CEMERLANG dan mendapat sokongan yang kuat dari Setiausaha Tetap atau Ketua Jabatan adalah mendapat keutamaan.

e) Cara permohonan - Rujuk di ruang **PEMBERITAHUAN**

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB**

i) Memberi kuliah dan tutorial pelajar di bidang masing-masing.

ii) Menjalankan kerja-kerja penyelidikan dan penerbitan di bidang-bidang tertentu mengikut kepakaran masing-masing.

iii) Menyelia projek pelajar dan praktik mengajar pelajar.

iv) Menyelia kegiatan akademik pelajar.

v) Lain-lain tugas dan tanggungjawab yang diarahkan oleh Dekan Fakulti atau Pengarah Pusat dan Ra'es dari masa ke semasa.

**PEMBERITAHUAN:**

1. Semua permohonan adalah melalui pengisian borang KUPU SB P1 kecuali dimaklumkan sebaliknya.

2. Isikan satu (1) salinan sahaja borang KUPU SB P1.

3. Borang KUPU SB P1 boleh di muat turun dengan melayari laman web www.kupu-sb.edu.bn dan dikembalikan ke tempat penghantaran borang permohonan yang disebutkan di para 7 bersama-sama dengan salinan sijil-sijil , surat-surat akuan yang lengkap dan diakui sah.

4. Semua kelulusan, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan professional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (selepas dipanggil Kerajaan).

5. Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah menghadapkan permohonan tersebut melalui Ketua Jabatan, Ketua Jabatan dikehendaki menyertakan:-

a. Laporan Sulit mengenai peribadi dan mutu kerja pemohon:

b. Rekod Perkhidmatan yang lengkap

6. Bilangan kekosongan jawatan adalah betul semasa dicetak. Walau bagaimanapun, pemohon-pemohon boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai sebarang perubahan bilangan kekosongan dalam tempoh iklan dibukakan melalui cara menelefon 2236277(Bahagian Pentadbiran)

7. Borang permohonan hendaklah dikembalikan kepada :

***PENDAFTAR KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN KM 2, JALAN RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA BANDAR SERI BEGAWAN, BA2111 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM***

***TARIKH IKLAN : 3 JULAI 2013***
***TARIKH TUTUP IKLAN: 24 JULAI 2013***

***BILANGAN IKLAN: 02/2013 (KUPUSB/PEN/IKLAN)***

## YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH

**YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH (YSHHB).**

Permohonan adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang berkelayakan bagi memenuhi jawatan-jawatan di SEKOLAH YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH (YSHHB).

TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK YSHHB:

1. Guru
2. Guru Bacaan (Bahasa Melayu)

Kelayakan:

a. Mempunyai sekurang-kurangnya kelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam Pendidikan dalam mata pelajaran yang berkenaan.

ATAU

Mempunyai Diploma / Sijil dalam Bidang Pendidikan.

ATAU

Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang-bidang yang bersesuaian dan Sijil / Diploma lepas Ijazah dalam Pendidikan (PGCE).

b. Pemohon yang mempunyai pengalaman mengajar di peringkat Taman Asuhan Kanak-Kanak sekurang-kurangnya 5 tahun, akan diberikan keutamaan.

3. Jururawat Sekolah

a. Mempunyai kelulusan Ijazah atau Diploma dalam kejururawatan.

b. Didaftarkan atau mempunyai lesen dengan Lembaga Kejururawatan Brunei.

c. Pengalaman menjadi jururawat di sekolah-sekolah adalah satu kelebihan.

4. Pembantu Guru

a. Mempunyai Kelulusan akademik sekurang-kurangnya 4 'O' Level

b. Pemohon yang mempunyai pengalaman kerja sebagai pembantu guru akan diberi keutamaan.

5. Pembantu Sekolah

a. Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya Penilaian Menengah bawah (PMB).

Peringatan:

Hanya permohon yang memenuhi kelayakan sahaja yang akan dihubungi. Pemohon-pemohon hendaklah mengemukakan surat permohonan secara bertulis dan menyertakan butir-butir diri yang lengkap (CV), salinan sijil-sijil kelulusan serta dokumen yang berkenaan, dan nombor telefon yang mudah dihubungi, berserta dengan gambar baru berukuran paspot (tidak dikembalikan) kepada:

**Unit Pengambilan**
**Bahagian Perkembangan Tenaga Manusia**
**Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah**
**Jalan Kumbang Pasang**
**Gadong BA 1511**
**Negara Brunei Darussalam**
**ATAU**

e-mailkan kepada:
**recruitment@yshhb.org.bn**

Tarikh tutup adalah pada hari **Isnin, 29 Julai 2013, jam 1.45 petang.**

## UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

PEMOHON-PEMOHON terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut;-

**JAWATAN :**
**PEGAWAI PERPUSTAKAAN**
**TANGGAGAJI : B.2 / B.2 EB.3**
**KEKOSONGAN : 1 ORANG**

**SYARAT-SYARAT KELAYAKAN :**

a. Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.

**b. BAGI TANGGAGAJI B.2 EB.3:**

Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sains Perpustakaan atau bidang yang bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.

**b. BAGI TANGGAGAJI B.2:**

i) Mempunyai Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya dalam bidang Sains Perpustakaan atau bidang yang bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta telah berkhidmat dalam jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji C.3 selama tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

Mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.

**ATAU**

ii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Penolong Pegawai Perpustakaan Tingkat I dalam tanggagaji C.3 selama tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

c. Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

d. Pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan mestilah mempunyai laporan Penilaian Prestasi di tahap yang SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB**

a. Bertanggungjawab kepada Ketua Bahagian.

b. Mengetuai dan mentadbir cawangan-cawangan di bawah tanggungjawabnya.

c. Merancang, meneliti semula dan menilai projek bahagian dengan mengambil kira perkembangan teknologi maklumat (IT) dan membuat laporan mengenainya.

d. Menyelia dan melatih kakitangan bahagian, termasuk mengawasi disiplin serta prestasi kerja kakitangan bawahan.

e. Terlibat secara langsung dalam penyelidikan mengenai perkembangan perkhidmatan perpustakaan dan menghasilkan penulisan.

**MENGHADAPKAN BORANG PERMOHONAN**

Borang P1 serta keterangan lanjut boleh diperolehi di Bahagian Pentadbiran, Universiti Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam. Borang-borang permohonan yang telah diisikan dengan lengkap **beserta dengan salinan sijil-sijil** dan dokumen yang berkenaan hendaklah dikembalikan tidak lewat pada hari **Sabtu, 27 Julai 2013** ke alamat berikut:

**PENDAFTAR & SETIAUSAHA UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM JALAN TUNGKU LINK, GADONG BE1410, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. (UP: BAHAGIAN PENTADBIRAN)**

Bagi pemohon-pemohon yang terdiri daripada pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan tersebut dokumen-dokumen yang telah lengkap seperti berikut:

**1) SATU LAPORAN SULIT**
**2) SALINAN PRESTASI BAGI TEMPOH 3 TAHUN KEBELAKANGAN (SEKURANG-KURANGNYA SANGAT BAIK)**
**3) SATU SALINAN REKOD PERKHIDMATAN YANG TELAH DIKEMASKINIKAN.**

Hanya pemohon-pemohon yang disenarai pendek (shortlisted) sahaja akan dihubungi bagi urusan temuduga.

**JABATAN LAUT**
**KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

**JABATAN LAUT**

**KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PEMBERITAHUAN TAWARAN SEBUT HARGA :**

**No. 1. Tajuk Sebut Harga : TO SUPPLY AND DELIVERY OF PROTECTIVE WORK WEAR WORKING VEST FOR MARINE DEPARTMENT**

**Bilangan Sebut Harga : 020/JL/SH/2013/2014**

**Tarikh Tutup / Masa : 24 JULY 2013 /**

**12.00 Noon**

**Syarat-Syarat Tawaran Sebut Harga:-**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong/syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Keterangan skop kerja berkenaan bolehlah diambil semasa waktu bekerja dari jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan 1.30 petang hingga 3.00 petang dan hari Sabtu 8.00 pagi hingga 10.00 pagi daripada **Bahagian Kewangan, Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan, Jalan Serasa, Muara BT1728, Negara Brunei Darussalam.**

**(Nota : Pada bulan puasa, bolehlah diambil semasa waktu bekerja dari jam 8.30 pagi hingga 1.00 petang dan hari Sabtu 8.30 pagi hingga 10.00 pagi)**

Dokumen berkenaan bolehlah diambil bermula pada **6 Julai 2013**. Yuran dokumen tidak diperlukan.

3. Sebut harga yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.

4. Tawaran mestilah dihadapkan di dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) tanpa menyatakan nama pemborong yang bertanda 'TAJUK-TAJUK TAWARAN' di bahagian atas sebelah kiri dan dihantar kepada alamat berikut:

**PENGERUSI JAWATANKUASA SEBUT HARGA**

**JABATAN LAUT,**

**KEMENTERIAN PERHUBUNGAN,**

**KAWASAN PERINDUSTRIAN, SERASA,**

**MUARA BT1728,**

**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

5. Sampul surat hendaklah dimasukkan ke dalam Kotak Sebut Harga, Tingkat Bawah, Kaunter Penyambut Tetamu, Jabatan Laut. Semua tawaran hendaklah sampai ke alamat yang dinyatakan.

6. Pemborong yang berjaya akan menjalankan kerja-kerja berkenaan dalam tempoh seperti yang didalam skop kerja berkenaan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat bagi menerima sebarang tawaran yang tertinggi atau apa-apa jua bentuk tawaran.

8. Syarikat-syarikat hendaklah menyertakan dokumen-dokumen berikut dengan lengkap yang berdaftar dan masih sah di Negara Brunei Darussalam :-

a. Lesen Perniagaan 16/17

b. Sijil Pendaftaran Kontraktor Dan Pembekal Dari Kementerian Pembangunan

c. Daftar Pemilik Syarikat (Borang X)

9. Syarikat-syarikat yang ikut serta adalah dikehendaki untuk menetapkan tempoh sah laku selama enam (6) bulan daripada tarikh tutup tawaran.

10. Sebarang pertanyaan dan penerangan lanjut bolehlah menghubungi pada talian 2771347 sambungan 270.

---

**JABATAN BELIA DAN SUKAN**
**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

BIL. TAWARAN :
(11) JBS/ADM/UP/2013
Tingkat 4,
Jabatan Belia dan Sukan
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Sinpang 336-17, Jalan Kebangsaan
Bandar Seri Begawan BA1211
**Sebelum Jam : 2.00 petang**

**(Di Tutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam)**

**JASTRE/BL/T015/2013**

**TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN DUA (2) BUAH KENDERAAN JENIS LORI TANGKI AIR PENYIRAMAN TANAMAN BERSERTA PAM AIR UNTUK**

**JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI.**

**NO. PROJEK :**
**JASTRE/BL/T015/2013**

**JUMLAH YURAN TAWARAN :**
**B$ 30.00 (Non Refundable)**

## JABATAN PERDANA MENTERI

**JABATAN PERDANA MENTERI**
**BILANGAN TAWARAN:**

TAJUK TAWARAN: **Perkhidmatan Pakar Perundingan Untuk Kajian Sekuriti Bekalan Petroleum**

KERAJAAN kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri, merancang untuk khidmat pakar perunding yang berkelayakan bagi menjalankan Perkhidmatan Pakar Perunding untuk kajian Sekuriti Bekalan Petroleum.

**Syarat-syarat untuk tawaran :**

1. Tawaran ini dibuka kepada pakar Perunding Dalam atau luar Negara yang berkelayakan yang mempunyai pengalaman yang luas dalam menjalankan kerja-kerja kajian dalam bidang yang sebanding sepertimana yang dinyatakan di dalam Skop Kerja. Pakar Perunding Luar negara boleh ikut serta di dalam tawaran ini secara perseorangan tetapi disarankan agar menubuhkan usahasama dengan syarikat tempatan yang berkemampuan untuk tujuan pendaftran, perhubungan dan rekod / rakaman berjalan dengan lancar.Usahasama tersebut memerlukan perkongsian 70 peratus tempatan dan 30 peratur luar.

2. Dokumen tawaran hendaklah dihadapkan kepada :

Pengerusi Lembaga Tawaran kecil (LTK)
Tingkat 1,
Jabatan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BB3913
BRUNEI DARUSSALAM
Fax:+67362228106

3. Skop Kerja-

Fasa 1: Fasa Penyelidikan dan Kajian:-

. Analisa mengenai status dan keperluan-keperluan semasa

. mengenalpasti keperluan-keperluan semasa

. Menyediakan pelan tindakan untuk penguatkuasaan dan pelaksanaan

. Menyediakan model bisnes yang berpontesi

Fasa2: Fasa Penyediaan Laporan

. Laporan penilaian dan cadangan

. Pelan bagi pelaksanaan

. Penyediaan rangka kerja sosi0-ekonomi, komersial dan rangka kerja perundangan

4. Dokumen Tawaran berharga B$100.00 (Ringgit Brunei Satu Ratus sahaja) yang mana tidak akan dikembalikan kepada setiap perunding sama ada yang berjaya atau tidak setelah menghantar tawaran yang sah boleh diperolehi dan dibayar di Unit Kewangan, Jabatan Tenaga, Basement 1, Jabatan Perdana Menteri, semasa hari-haribekerja daripada jam 8.00 pagi hingga 3.30 petang pada 9Julai 2013 hingga 6 Ogos 2013.

5.Dokumen tawaran yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup rapi (Sealed) dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran tanpa menunjukkan idnetiti atau logo pakar perunding dan hendaklah dihantar dan dimasukan ke dalam Peti Tawaran yang disediakan seperti alamat di atas.

6. Tarikh tutup mengemukkan tawaran adalah **13 Ogos 2013 (Selasa jam 2.00 petang).**

7.Tawaran hendaklah dihantar menggunakan borang tawaran yang telah disediakan.

8. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang dinyatakan diatas tidak akan dilayan.

9.Kerajaan kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran-tawaran yang terendah atau sebarang tawaran yang tidak munasabah.

10. Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garispandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

## JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA, KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**TAWARAN**
**JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA, KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI,**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

**TAWARAN**
**MEMBINA KEMUDAHAN RIADAH BUKIT MENTIRI, KAMPONG MENTIRI, MUKIM MENTIRI,**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**
**TAWARAN JDBM / T / 08 / 2013**

**TAWARAN**
**MEMBINA KAWASAN FUTSAL BALAI SERBAGUNA KAMPUNG BURONG PINGAI AYER,**
**MUKIM BURONG PINGAI AYER,**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**
**TAWARAN JDBM / T / 09 / 2013**

**TAWARAN**
**MENGGANTI LANTAI BARU DEWAN KEMASYARAKATAN LAMBAK KANAN I,**
**MUKIM BERAKAS 'B',**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**
**TAWARAN JDBM / T / 10 / 2013**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat yang mempunyai Sijil Pendaftaran Kelas II dan Kategori Kerja KA01, B01, P05 dan E01 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan.

2. Bayaran **$30.00 (Tiga Puloh Ringgit Sahaja)** secara tunai bagi setiap satu Dokumen Tawaran dan Pentadbiran tidak dikembalikan).

3. Bayaran Dokumen Tawaran hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

4. Dokumen Tawaran boleh diperolehi di Unit Projek, Bahagian Kemajuan dan Pembangunan Daerah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

5. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup (sealed) tanpa sebarang tanda pengenalan pengirim diluar sampul surat itu kecuali ditulis dengan:-

**MEMBINA KEMUDAHAN RIADAH BUKIT MENTIRI, KAMPONG MENTIRI, MUKIM MENTIRI,**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**MEMBINA KAWASAN FUTSAL BALAI SERBAGUNA KAMPONG BURONG PINGAI AYER,**
**MUKIM BURONG PINGAI AYER,**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**
**TAWARAN JDBM / T / 09 / 2013**

**MENGGANTI LANTAI BARU DEWAN KEMASYARAKATAN LAMBAK KANAN I,**
**MUKIM BERAKAS 'B',**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**
**TAWARAN JDBM / T / 10 / 2013**

6. Tawaran tersebut hendalah dimasukkan ke dalam peti tawaran kepada alamat seperti dibawah:-

Peti Tawaran
Tingkat 1, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan BS 8610,
Negara Brunei Darussalam.

**TIDAK LEWAT HARI SELASA,**
**30 JULAI 2013,**
**JAM 12.00 TENGAH hARI**

7. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran samada yang paling tinggi atau lain-lain tawaran.

## JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI

**BILANGAN TAWARAN :**
**JPB/UK/KHAS2013**
**TAJUK TAWARAN : TAWARAN BAGI MEMBEKAL LIMA (5) BUAH KENDERAAN BAGI JABATAN PENERANGAN**
**YURAN TAWARAN : B$10.00**
**(SETIAP SATU)**

**Syarat-Syarat Tawaran :**

1. SYARIKAT-SYARIKAT pembekal-pembekal kereta yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk membekalkan lima (50 buah kenderaan bagi kegunaan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.

2. Tawaran tersebut diatas hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran tidak lewat dari jam **2.00 petang pada hari hari Selasa, 16 Julai 2013** dan dialamatkan kepada:

**PENGERUSI**
**LEMBAGA TAWARAN KECIL**
**JABATAN PERDANA MENTERI**
**JALAN MENTERI BESAR BB3913**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

3. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup (sealed) yang dinyatakan bilangan dan tajuk tawaran berkenaan dan tarikh tutup tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong.

4. Pemborong hendaklah terlebih dahulu membaca, memahami dan meneliti kesemua kandungan di dalam **Borang Dokumen Tawaran dan Spesifikasi Teknikal** serta mengisi semua ruang-ruang yang diperlukan dengan **LENGKAP dan TERATUR**.Sebarang kesilapan dan kerugian disebabkan salah tafsir harga tidak akan dilayan selepas tawaran telah dibuka.

5. Dokumen-dokumen terperinci tawaran serta keterangan lanjut boleh diperolehi setelah bayaran Yuran Tawaran (Dokumen Fee) berjumlah **$10.00 (tidak dikembalikan)/non-refundable)** dibuat di **Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama Berakas BB3510, Brunei Darussalam** pada setiap hari bekerja sahaja iaitu;

**ISNIN HINGGA KHAMIS DAN SABTU**
**8.30 pagi - 11.30 pagi**
**2.00 petang - 3.00 petang**

6.Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan borang-borang tawaran sebutharga yang telah disediakan.

8. Tawaran sebutharga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

## KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG KELAS II ATAU III DAN KATEGORI E01**

**BIL : KHEU/BDP/LTK/013/2013**
**PROPOSED INSTALLATION OF 10 KW SOLAR POWER SYSTEM AT BALAI IBADAT KG. MELILAS KUALA BELAIT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**YURAN DOKUMEN :**
**$30.00**
**(Tidak dikembalikan)**

**Tarikh dan jam tutup mengambil dokumen tawaran :**
**16 Julai 2013 (12.00 Tengah Hari)**

**Tarikh Tutup : 23 Julai 2013**
**(12.00 Tengah Hari)**

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG KELAS I ATAU II DAN KATEGORI B01**

**BIL : KHEU/BDP/LTK/014/2013**
**TERM CONTRACT (24 MONTHS) FOR JANITORIAL CLEANING/HOUSE-KEEPING WORKS AT MINISTRY OF RELIGIOUS AFFAIRS BUILDING JALAN MENTERI BESAR, BRUNEI DARUSSALAM**

**YURAN DOKUMEN :**
**$10.00**
**(Tidak dikembalikan)**

**Tarikh dan jam tutup mengambil dokumen tawaran :**
**16 Julai 2013 (12.00 Tengah Hari)**

**Tarikh Tutup : 23 Julai 2013**
**(12.00 Tengah Hari)**

**DIBUKAKAN KEPAD A PEMBORONG-PEMBORONG KELAS II ATAU III DAN KATEGORI B01&E01**

**BIL : KHEU/BDP/LTK/015/2013**
**PEMELIHARAAN DAN MENAIK TARAF SEKOLAH-SEKOLAH DAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI - SEKOLAH UGAMA PG. BENDAHARA LAMA (BRUNEI 1)**

**YURAN DOKUMEN :**
**$30.00**
**(Tidak dikembalikan)**

**Tarikh dan jam tutup mengambil dokumen tawaran :**
**16 Julai 2013 (12.00 Tengah Hari)**

**Tarikh Tutup : 23 Julai 2013**
**(12.00 Tengah Hari)**

**Syarat-Syarat Tawaran :-**

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat 1, Bahagian Kewangan, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar, Berakas BB3910, Negara Brunei Darussalam** (kecuali ditetapkan alamat yang lain dalam iklan atau dokumen tawaran) **tidak lewat dari jam 2.00 petang pada tiap-tiap hari Selasa** seperti tarikh yang telah ditetapkan.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan di hantar kepada alamat di **para satu** menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Kontrak.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah didapati dan diperolehi dari **Tingkat 1, Bahagian Kewangan, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar Berakas BB3910, Negara Brunei Darussalam.** Jumlah yuran adalah seperti berikut.

5. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada berjaya atau yang tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran itu seperti kadar yang ditetapkan.

7. Tawaran-tawaran mestilah di hantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

## JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
## KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**BIL. TAWARAN :**
**JAPEM/K27105/2013 -**
**PUSAT BAHAGIA, PULAIE PERKARA**
**CONSTRUCT NEW CARPENTARY WORKSHOP**
**TARIKH TUTUP : 29 Julai 2013**
**(Hari Isnin) - 12.00 Tengah Hari**

**Syarat-Syarat Tawaran :**

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat serta pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan lanjut bolehlah diperolehi semasa waktu pejabat, di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Tingkat 2, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan.

3. Borang tawaran hendaklah diisikan dengan jelas dengan menyatakan catalog (gambar) jenis barang yang ditawarkan berserta dengan segala spesifikasinya (jika perlu) dan mana-mana pembetulan hendaklah ditandatangani.

4. Bayaran tender fee sebanyak $**10.00 (tidak dikembalikan)** akan dikenakan kepada pemborong-pemborong yang memasuki tawaran ini dan hendaklah dijelaskan kepada Bahagian hasil, Bahagian Bantuan Am, Tingkat 2, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

**Waktu bagi menerima bayaran :**

**Isnin - Khamis :**
**8.00 pagi - 11.30 pagi dan**
**2.00 petang - 3.00 petang**
**Sabtu :**
**9.30 pagi - 11.00 pagi**

**Waktu bagi menerima bayaran di bulan Ramadan :**

**Isnin - Khamis :**
**8.00 pagi - 1.30 petang**
**Sabtu :**
**9.30 pagi - 11.00 pagi**

****Tarikh terakhir menerima pembayaran ialah pada hari Isnin, 29 Julai 2013.**

5. Setiap borang tawaran hendaklah diisikan dengan lengkap disertakan resit pembayaran tender fee, salinan sijil Pendaftran Perniagaan dan dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) tanpa menunjukkan identiti atau Logo Syarikat, tetapi hendaklah menyatakan bilangan & tajuk tawaran dengan jelas dan hendaklah dihantar dan dan dimasukkan ke dalam PETI TAWARAN di alamat.

**PETI SEBUT HARGA, TINGKAT 2,**
**JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT**
**BANGUNAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**
**SIMPANG 336-17,**
**JALAN KEBANGSAAN**
**BANDAR SERI BEGAWAN BC 4415**

Tawaran hendaklah sampai ke alamat seperti yang dinyatakan **tidak lewat pada hari Isnin, 29 Julai 2013, jam 12.00 tengah hari dan tawaran yang lewat diterima dari tarikh seperti yang telah dinyatakan tidak akan dilayan.**

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

## UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

**UNIVERSITI**
**BRUNEI DARUSSALAM**

IKLAN TAWARAN
Projek :
**Khutub Khanah (Fasa 2),**
**Universiti Brunei Darussalam - Nominated Sub Contract For Supply and Installation of Loose Furniture**
Bil. Tawaran : **UBD/E8/018/2013**
**Yuran tawaran : B$50.00**
**(Tidak akan dikembalikan)**
Tarikh dibuka : **3 Julai 2013**

Kelas : **Kontraktor yang berdaftar di Kementerian Pembangunan Kelas III Ke Atas**

Tarikh tutup : **30 Julai 2013**
Penghantaran tawaran :
**Lembaga Tawaran Kecil,**
**Bahagian Perkhidmatan Kewangan (A)**
**Blok A, Tingkat 1**
**Kementerian Pendidikan**
**Lapangan Terbang Lama,**
**Berakas, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
Pengambilan tawaran:
**Pejabat Estet, Blok Pentadbiran,**
**Universiti Brunei Darussalam.**
Waktu mengambil tawaran :
**Isnin-Khamis, Sabtu**
**(8.00 - 11.00 pagi and 2.00 - 3.30 petang)**
Untuk keterangan lanjut, sila hubungi :
**Pejabat Estet,**
**Universiti Brunei Darussalam, Jalan Tungku Link, Gadong BE 1410**
**Tel: +673 2463001 ext. 1111 / 2121**
**Faks: +673 2460552 E-mel: office.estate@ubd.edu.bn**

## JABATAN PERIKANAN
## KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

**TAWARAN BAGI DEVELOPMENT AND OPERATION OF A DIESEL FILLING STATION FOR THE USE OF FISHING VESSELS AND SMALL BOATS LOCATED AT FISHERIES LANDING COMPLEX, SERASA MUARA**

JABATAN Perikanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber utama mempelawa koperasi-koperasi yang berminat untuk memohon tawaran bagi Development And Operation Of A Diesel Filling Station For The Use of Fishing Vessels And Small Boats Located At Fisheries landing Complex, Serasa Muara.

untuk keterangan lanjut dan bagi mendapatkan borangborang permohonan, pemohon pemohon bolehlah menghubungi di alamat berikut:-

**Seksyen Pelaburan dan Promosi Industri Perikanan**
**Ibu Pejabat Jabatan Perikanan,**
**Tingkat 3,**
**Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama,**
**Negara Brunei Darussalam**

**Tel: 2382493, 2383067**

Setiap permohonan adalah dijemput untuk mendaftar dan memohon secara online melalui website **www.bruneimipr.gov.bn**

Tarikh tutup menerima permohonan ialah pada **31 Julai 2013, pukul 4.30 petang.**

# Peranan hutan dalam pembangunan ekonomi negara

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 4 Julai. - Negara Brunei Darussalam seperti mana-mana negara anggota ASEAN yang lain, juga dianugerahkan dengan sumber-sumber hutan yang kaya dengan kepelbagaian biologi.

Berdasarkan dalam rekod sejarah, hutan di negara ini memainkan peranan utama dalam pembangunan ekonomi sehingga kini, hutan kekal untuk menyediakan bagi menyokong



SEBAHAGIAN daripada para delegasi yang menyertai seminar berkenaan.

perkhidmatan yang penting kepada pemacu utama ekonomi di negara ini.

Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU), Dayang Hajah Normah Suria Hayati binti PJDSMDSU (Dr.) Haji Mohd. Jamil Al-Sufri berkata, negara ini dilindungi hutan yang dianggarkan kira-kira 75 peratus dan masih diliputi dengan hutan asli dari puncak tertinggi ke ekosistem.

Dalam teks ucapan yang dibacakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Pembangunan Sumber-Sumber Utama) Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dayang Hajah Hasnah binti Ibrahim pada Majlis Pembukaan Seminar Isu-isu Semasa Antarabangsa Yang Mempengaruhi Perhutanan dan Keluaran Hutan: Keselamatan Makanan, Perubahan Iklim dan Pembangunan Komuniti ASEAN Kali Ke-14 yang berlangsung di sebuah hotel di Gadong, seterusnya menjelaskan bahawa hutan dan taman-taman kita sudah dapat memberikan gambaran baik biodiversiti pelbagai bunga dan ekosistem fauna.

Katanya, pengurusan hutan kita telah dipergiatkan sebagai tindak balas kepada membangunkan inisiatif sosial dan ekonomi di negara ini.

Menurutnya, dengan program pemodenan industri dan pertanian dan ditambah dengan peruntukan bagi keperluan penempatan manusia, kita sudah dapat merasakan perubahan desakan permintaan untuk penggunaan tanah memandangkan sumber tanah kita yang sangat terhad.

Seminar anjuran oleh KPSSU melalui Jabatan Perhutanan itu bersempena Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN Dalam Perhutanan Kali Ke-16 yang bermula pada 2 Julai yang lalu.

Sebanyak 11 kertas kerja dibentangkan pada seminar yang turut dihadiri oleh Ketua-ketua Jabatan dan Bahagian di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, delegasi-delegasi mesyuarat dari Negara-negara ASEAN, Sekretariat ASEAN dan Pegawai-pegawai Kanan kerajaan.

Seminar antarabangsa tersebut berobjektifkan untuk membincangkan isu-isu dan kunci utama yang perlu diketengahkan melalui kerjasama perhutanan serantau dalam menyokong pembangunan komuniti ASEAN, di samping itu ianya jua bagi mengembangkan idea dan sokongan dalam meningkatkan sumbangan Masyarakat Berorientasi Perhutanan Oriented dan integrasi pengurusan sumber ke arah pembangunan komuniti ASEAN 2015.



**TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pembangunan Sumber-Sumber Utama) Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dayang Hajah Hasnah binti Ibrahim semasa menyampaikan ucapan pada Majlis Pembukaan Seminar Isu-isu Semasa Antarabangsa yang Mempengaruhi Perhutanan dan Keluaran Hutan: Keselamatan Makanan, Perubahan Iklim dan Pembangunan Komuniti ASEAN Kali Ke-14.**

# Statistik kemalangan jalan raya membimbangkan

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

**KUALA BELAIT,** Khamis, 4 Julai. - Statistik kemalangan jalan raya dari awal Januari hingga Jun yang melibatkan kematian menjangkau sebanyak 14 kes dan angka tersebut sangat membimbangkan dan perlu ditangani secara berkesan.

Ketua Keselamatan dan Sekuriti, Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad (BSP), Haji Idris bin Haji Jaafar menekankan tentang kepentingan keselamatan dalam kehidupan seharian termasuk mematuhi keselamatan jalan raya.

Haji Idris berkata sebagai pengguna jalan raya, sama ada pemandu, pejalan kaki, penunggang motorsikal atau basikal, perlu mempunyai sifat sentiasa bertolak ansur, memandu secara berhemah dan saling menghormati hak pengguna jalan raya yang lain.

Beliau menyatakan demikian di Majlis Pembukaan Jerayawara Keselamatan Jalan Raya anjuran BSP dengan kerjasama Majlis Keselamatan Jalanraya Kebangsaan (MKJK) berlangsung di Sekolah Rendah Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddien, di sini.

Bagi BSP katanya, aspek keselamatan elemen sangat penting, yang merupakan asas polisi dan pegangan keselamatan syarikat yang mewajibkan semua kakitangan dimestikan untuk mematuhi peraturan-peraturan keselamatan, tidak kira sama ada di pejabat, tapak-tapak operasi di darat, dan di pelantar-pelantar minyak luar pantai.

Oleh itu katanya, jerayawara berkenaan sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan kesedaran kepada masyarakat terutama pengguna jalan agar sentiasa mematuhi peraturan, memandu dengan berhati-hati dan bertimbang rasa.

Menurutnya, jerayawara yang diadakan khas ditujukan dari peringkat sekolah rendah untuk mendidik generasi muda tentang kepentingan keselamatan jalan raya.

"Pendedahan yang awal ini penting umpama pepatah Melayu 'melentur buluh biarlah dari rebungnya'," jelasnya.



RISALAH-RISALAH seperti buku-buku mengenai panduan keselamatan jalanraya yang dipamerkan menarik perhatian penolong Pegawai Daerah Belait.

Sehubungan itu, beliau berharap jerayawara tersebut akan menjadikan mereka sebagai pemandu dan pengguna jalan raya yang berhemah dan menghormati ciri-ciri keselamatan di jalan raya.

Beliau menambah BSP berhasrat untuk menganjurkan beberapa lagi jerayawara seumpama itu terutama di sekolah-sekolah menengah yang mana di antara pelajar-pelajarnya sudah mempunyai lesen memandu dan melalui jerayawara itu nanti, dapat diserapkan aspek-aspek keselamatan jalan raya kepada pelajar-pelajar berkenaan.

Objektif utama jerayawara ialah untuk mengekalkan usaha dalam menyebarkan dan meningkatkan keselamatan jalan raya. Berdasarkan kajian yang dibuat, punca kemalangan jalan raya berlaku di negara ini disebabkan memandu laju, memandu secara melulu seperti mengekori kereta lain dari jarak dekat, dengan menggunakan telefon bimbit ketika memandu, dan berjalan ketika lampu merah menyala.

Jerayawara tersebut pertama kali diadakan dan akan dilaratkan ke beberapa sekolah lain yang dijangka melibatkan lebih 2,000 pelajar seluruh negara untuk memperkenalkan kepada generasi muda tentang kepentingan keselamatan jalan raya dan memberi pengetahuan kepada mereka yang akan mendapatkan lesen memandu mengenai peraturan keselamatan jalan raya dan etika memandu yang betul.

Jerayawara turut melibatkan penyertaan dari pelbagai pihak yang memaparkan pameran yang berkaitan dengan keselamatan jalan raya seperti MKJK, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Pengangkutan Darat, Pusat Penemuan Minyak dan Gas, dan Syarikat Megamas.

Antara yang hadir di jerayawara tersebut, Penolong Pegawai Daerah Belait, Pengiran Jefferynul Hafli bin Pengiran Ali, Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria, Awang Sarih bin Tabong dan pegawai-pegawai kanan kerajaan yang lain.

# Pengamal penghubungan awam tingkat kemahiran



**PEGAWAI kerajaan bergambar ramai sebelum berlepas ke Malaysia bagi menyertai Program Pertukaran Pegawai Penerangan dan Pegawai Perhubungan Awam di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia.**

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 4 Julai. - Seramai lima pegawai kerajaan berlepas ke Malaysia bagi menyertai Program Pertukaran Pegawai Penerangan dan Pegawai Perhubungan Awam di antara Negara Brunei Darussalam dengan Malaysia.

Program berkenaan merupakan salah satu program kerjasama yang telah dipersetujui di bawah Jawatankuasa Teknik Dalam Bidang Penerangan (JTCIM) di bawah Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Malaysia.

Program selama lima hari itu akan berakhir 8 Julai depan, bertujuan untuk mendedahkan dan meningkatkan lagi kemahiran para pegawai mengenai peranan dan fungsi mereka sebagai pengamal perhubungan awam.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Program berkenaan disertai oleh Pegawai Penerangan di Jabatan Penerangan, Dayang Ruhil Amal Faridah binti Yahya; Pegawai Perhubungan Awam di Institut Perkhidmatan Awam, Dayang Rabi'atul Hibriyah binti Haji Khamis; Pegawai Perhubungan Awam di Kementerian Pertahanan, Muhd. Sufi Darwish @ Sasteranajuri bin Haji Khamis; Pegawai Perhubungan Awam di Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Awang Mohammad bin Abdullah dan Pegawai Perhubungan Awam di Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Nurulhuda binti Adinin.

# Malaysia juara Kejohanan Bola Jaring Belia Asia Ke-8



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berangkat menyaksikan perlawanan penentuan Kejohanan Bola Jaring Belia Asia Ke-8 antara Pasukan Malaysia dan Pasukan Sri Lanka.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan menyempurnakan penyampaian hadiah dan sijil kepada pemenang ketiga dari Republik Singapura.

**Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 7 Julai. - Pasukan Malaysia merangkul piala Kejohanan Bola Jaring Belia Asia Ke-8 selepas menyingkirkan pasukan Sri Lanka dengan jaringan 59 - 50 dalam perlawanan akhir di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Berangkat menyaksikan perlawanan penentuan tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Dalam perlawanan akhir, Malaysia yang merupakan juara bertahan buat lima tahun berturut-turut sekali lagi mengecewakan impian pasukan Sri Lanka yang juga merupakan finalis tahun lepas di India.

Pada perlawanan musim lalu di Kompleks Sukan Thyagaraj, New Delhi, India, pasukan Malaysia meranapkan impian pasukan Sri Lanka dengan kesudahan jaringan 63 - 39.

Walau bagaimanapun Sri Lanka yang membawa harapan besar tahun ini akur dengan kepantasan para pemain Malaysia sekalipun sudah berusaha menyaingi pasukan yang menduduki *ranking* atas Asia ini seawal perlawanan.

Pada perlawanan suku pertama pasukan Malaysia unggul dengan kelebihan 5 jaringan selepas menamatkan 15 minit perlawanan dengan jaringan 15 - 10 namun Malaysia kekal di hadapan di suku kedua dengan penyudah 29 - 25.

Pasukan Sri Lanka terus menerima tekanan apabila pasukan Malaysia menambah 15 lagi jaringan pada suku ketiga berbanding 11 jaringan.

Pasukan Malaysia menjuarai kejohanan buat kali kelima apabila menamatkan perlawanan dengan jaringan 59 - 50 sekali gus meletakkan pasukan Sri Lanka berada di posisi kedua sebagaimana yang diperolehinya tahun lepas.

Sementara itu, tempat ketiga kejohanan dimenangi oleh pasukan Singapura yang menumpaskan pasukan Hong Kong dengan jaringan 57 - 24 pada perlawanan sebelah paginya.

Hadiah kejohanan berserta medal dan sijil disempurnakan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Juara menerima piala rebutan yang dikurniakan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, piala pusingan, sijil dan medal.

Thishala Algama dari Sri Lanka dipilih sebagai penerima hadiah Penjaring Terbaik dan Fon Mei Foong dari Malaysia menerima hadiah sebagai Pemain Tengah Terbaik, manakala Cheryl Ann Lee Cheng Wai dari Republik Singapura menerima hadiah sebagai Pemain Pertahanan Terbaik.



YANG Teramat Mulia berkenan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada Pemain Terbaik (middle court), Pow Mei Foong dari Pasukan Malaysia.



YTM Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan menyempurnakan penyampaikan hadiah kepada Pemain Terbaik (Best Shooter), Thishala Algama dari Pasukan Sri Lanka.

# Larian Amal PSI dapat sambutan





YANG Amat Mulia Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolkiah (kiri), Yang Amat Mulia Pengiran Anak 'Abdul Raqiib bin Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim berkenan menyertai PSI Charity Run (Larian Amal PSI) bagi mangsa-mangsa kebakaran Kampung Saba Darat 'A'.

**Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**KAMPUNG TUNGKU**, Ahad, 7 Julai. - Lebih 1,500 peserta menyertai PSI Charity Run (Larian Amal PSI) bagi mangsa-mangsa kebakaran Kampung Saba Darat 'A' anjuran PSI Social and Recreation Society.

Berangkat menyertai larian tersebut ialah cucunda-cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolkiah binti Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak 'Abdul Raqiib bin Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim.

Larian yang bermula di Taman Seri Indera Kampung Tungku dibahagikan kepada dua kategori iaitu larian sejauh 10 kilometer bagi lelaki dan wanita dan Kategori Fun Run sejauh 5 kilometer terbuka kepada lelaki dan wanita.

Larian antara lain bertujuan untuk membantu meringankan beban mangsa-mangsa tragedi kebakaran di Kampung Saba 'A', di samping untuk menggalakkan cara hidup sihat.

Juara bagi Kategori 10 kilometer Lelaki dimenangi oleh Naarul Jamhuri, manakala Jacqueline Lim memenangi Kategori Wanita.

Sementara pemenang bagi Kategori Fun Run 5 kilometer Lelaki jatuh kepada Md. Hazizan bin Mazin dan Fun Run 5 kilometer Wanita dimenangi oleh Nikolina Birimac.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh Penasihat Majlis Perundingan Mukim Gadong 'A', Pengiran Haji Adanan bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail.

# Malaysia juara Kejohanan Bola Jaring Belia Asia Ke-8



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan menyampaikan hadiah kepada Pasukan Malaysia, juara Pertandingan Bola Jaring Belia Asia Ke-8. *(Lagi berita dan gambar-gambar dimuatkan ke muka 23).*

# AMT bersetuju mengimplementasikan lima kegiatan

Oleh : Abdullah Asgar

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 6 Julai. - Mesyuarat Bertindak Kesihatan Mental ASEAN atau ASEAN Mental Health Task Force (AMT) bersetuju mengimplementasikan lima kegiatan setelah mereka bersidang selama tiga hari, di sini.

Antara kegiatan yang dipersetujui ialah Kempen Advokasi ASEAN, garis panduan yang terbaik bagi kes-kes yang dikaji dan laporan negara-negara yang memusatkan pada kesihatan mental integrasi ke dalam sistem penjagaan kesihatan.

Pada 4 Julai yang lalu mesyuarat bermula dengan menyarankan Pengurusan Data Bank ASEAN dan program-program inventori yang sedia, rangkaian ASEAN (website) dan mengimplementasikan mhGAP (mental health GAP).

Para pegawai dan delegasi yang bermesyuarat telah diraikan dengan Majlis Makan Tengah Hari oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof di Radisson Hotel, di sini.

Thailand telah menjadi Pengerusi mesyuarat tersebut antara lain menyasarkan bagi membincangkan hal-hal dari AMT Pertama dan menghasilkan rekomendasi yang sesuai serta merebiu pengimplementasian Rangka Kerja Kesihatan Mental ASEAN 2011-2015.

Lebih 60 peserta menghadiri mesyuarat kedua tersebut yang mewakili semua anggota ASEAN, wakil dari Sekretariat ASEAN serta pertubuhan antarabangsa yang relevan dan rakan-rakan dialog.

Antara yang hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil dan beberapa orang pegawai kanan dari kememterian tersebut.

Mesyuarat pertama telah diadakan di Viet Nam pada bulan Mei tahun lalu.

# Wanita perlu diberikan sokongan, pemahaman pengurusan bencana

Dari Muka 1

Datin Paduka menjelaskan, adalah didapati bahawa pada waktu terjadinya bencana, pada lazimnya kaum wanita yang berada di rumah bersama anak-anak dan orang tua dan warga kurang upaya, justeru dalam hubungan ini, adalah perlu untuk meningkatkan kesedaran dan keupayaan kaum wanita supaya akan dapat menghadapi bencana serta mengurangkan risiko bencana dengan lebih berkesan.

"Oleh yang demikian langkah-langkah yang diambil oleh pihak NDMC ke arah membekalkan pengetahuan dan latihan-latihan dalam menghadapi bencana kepada golongan wanita amatlah wajar," sarannya.

Dalam aspek wanita sebagai mangsa, jelasnya, penyelidikan yang dibuat oleh WHO menunjukkan bahawa golongan wanita dan kanak-kanak paling terjejas oleh bencana, dan bagi tahun 2012, lebih 200 juta wanita dan kanak-kanak terjejas akibat bencana, sekali gus menunjukkan bahawa risiko bencana kepada kaum wanita adalah lebih tinggi berbanding kaum lelaki terutama sekali di negara-negara miskin.

Menurut Oxfam International pula, ujar Datin Paduka, kebanyakan mangsa-mangsa bencana yang terkorban adalah wanita dan kanak-kanak disebabkan kurangnya kesedaran dan pendidikan dalam kalangan wanita untuk mengambil tindakan dalam semua fasa bencana dan ini menunjukkan wanita adalah lebih terdedah kepada impak bencana.

Sementara itu dalam aspek wanita sebagai penyelamat, tambahnya, wanita yang berada di rumah waktu kejadian bencana, boleh memainkan peranan yang penting untuk menyelamatkan ahli-ahli keluarga serta harta benda.

Datin Paduka berkata, sebagai kaum ibu, mereka lebih memahami dan mengetahui keperluan ahli keluarganya dan lebih sensitif dalam memikirkan bentuk bantuan yang perlu diberikan khususnya kepada golongan mangsa wanita dan kanak-kanak.

Golongan wanita, katanya juga adalah unik kerana mereka boleh memberikan bantuan dari aspek emosi dan fizikal termasuk khidmat nasihat dan dengan itu, peranan wanita adalah penting bukan sahaja sewaktu berlakunya bencana tetapi juga dalam proses pembinaan semula dan pemulihan.

"Oleh itu, kita perlu mengambil pengajaran dari peristiwa-peristiwa dan pengalaman-pengalaman kaum wanita di negara-negara yang sering terdedah kepada bencana bagi memastikan kaum wanita mendapat pendidikan yang perlu bagi membantu mereka dan keluarga mereka apabila menghadapi situasi bencana," tegasnya.

Datin Paduka berharap forum ini akan mendorong kaum wanita untuk bergiat aktif dan melibatkan diri dalam meningkatkan lagi kesedaran dan kefahaman mengenai pengurusan bencana serta tatacara mengurangkan impaknya terhadap diri mereka, keluarga dan masyarakat.



PEMANGKU Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman semasa berucap pada Forum Peranan Wanita Dalam Pengurusan Risiko Bencana.




PARA ahli panel dan pengerusi forum semasa Majlis Forum Peranan Wanita Dalam Pengurusan Risiko Bencana anjuran NDMC dan Majlis Belia Brunei.

# Penggunaan tulisan Jawi perlu ditingkatkan

Dari Muka 1

Beliau berharap penyertaan para pelajar dalam Pertandingan Menulis Kaligrafi Jawi seumpama ini akan dapat ditingkatkan pada masa akan datang dari segi kuantiti dan kualitinya dengan mempelbagaikan tahap dan jenis tulisan yang dipertandingkan.

"Dengan peningkatan tersebut, sudah setentunya dapat membudayakan dan memartabatkan penggunaan tulisan kaligrafi Jawi seterusnya melahirkan lebih ramai pelajar yang berkemahiran dalam tulisan khat Jawi," jelasnya pada majlis yang berlangsung di sebuah hotel terkemuka, di sini.

Terdahulu, Timbalan Menteri Pendidikan berkata tulisan Jawi adalah satu seni penulisan yang telah wujud berabad-abad lamanya di Nusantara yang mana ianya merupakan satu khazanah Nusantara yang diwarisi sejak zaman berzaman.

Kemunculan tulisan Jawi itu, jelasnya, secara langsung berkait dengan kedatangan agama Islam ke Nusantara yang mana salah satu budaya yang dicetuskan setelah perkembangan Islam di Nusantara ialah adanya tulisan Jawi yang berasal dari tulisan Arab.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, ujarnya, Kementerian Pendidikan telah mengambil langkah dengan memasukkan pelajaran tulisan Jawi pada peringkat sekolah-sekolah rendah dan menengah melalui *syllabus* mata pelajaran Bahasa Melayu.

Dengan ini, tulisan Jawi, tambahnya, digunakan dan disebarluaskan di peringkat kebangsaan dengan lebih dinamik dan berkesan bagi mencerminkan nilai-nilai budaya Melayu.



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yussof bin Haji Ismail menyampaikan hadiah kepada johan Menulis Kaligrafi Jawi bagi Kategori Penuntut-Penuntut Lelaki Peringkat Sekolah-Sekolah Menengah Senegara iaitu Awang Ahmad Naufal Azizi bin Mohd. Norisham dari Sekolah Menengah Sayyidina Husain.

## 'RAMADAN BULAN KEMULIAAN'

دتربيتکن اوليه جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوليه جابتن ڤرچيتقئن کراجان، نݢارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.